



دیوانِ بھاسی دانِ فوستاکے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2020

www.dbp.gov.my





LAPORAN TAHUNAN
Dewan Bahasa Pustaka
2020

Bahasa Jiwa Bangsa

Cetakan Pertama 2021

© Dewan Bahasa dan Pustaka 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Disediakan oleh:

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Jabatan Dasar dan Penyelidikan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jalan Dewan Bahasa
50460 Kuala Lumpur
Tel.: 03-21479000
Faks: 03-21479607
Laman Sesawang: www.dbp.gov.my

Muka taip teks: Calibri

Saiz taip teks: 11

Reka bentuk: Arif Corporation Sdn Bhd

Dicetak oleh:

Arif Corporation Sdn Bhd
42, Jalan Pengasah 15/13,
Seksyen 15, 40200
Shah Alam, Selangor

PENGHARGAAN

Penerbitan buku Laporan Tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka 2020 melibatkan kerjasama banyak pihak. Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak berikut:

Penasihat

Datuk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokeran
Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Ketua Editor

Zulfa bin Hamzah
Ketua Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

Editor

Nurhidayah binti Mohd Hamid

Penyelaras Laporan

Abdul Ghani bin Abu
Aimi Umaimah binti Hashim Musaimi
Emyliza Syarida binti Shari
Azimin bin Daud
Zulhilmi bin Baharudin
Siti Ruzaiha binti Mohd Riffin
Nurul Fauziana binti Amat
Rohana binti Yahaya
Siti Irni Yuslinda binti Mosman
E Pian a/l Pro Paul
Nur Anis Salwani binti Awang Muhamad
Jennitah binti Noordin
Razid bin Sahran
Mohamad Faizal bin Jamil

Urus Setia



Azilah binti Bahadun
Maisara Anum binti Kamarudin

KANDUNGAN>>

Penghargaan	-	
Maklumat Korporat	6	
Latar Belakang	6	
Lambang dan Sumber	7	
Falsafah Organisasi	7	
Wawasan	7	
Misi	7	
Moto	7	
Tujuan Penubuhan	8	
Rukun Budaya Korporat	8	
Piagam Pelanggan		9
Struktur Organisasi		10
Lembaga Pengelola		13
Kumpulan Pengurusan DBP		17
Pernyataan Pengerusi Lembaga Pengelola		-
Laporan Ketua Pengarah		-



Jabatan Dasar dan Penyelidikan	19-40
Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera	41-60
Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera	61-86
Jabatan Penerbitan	87-120
DBP Cawangan dan Wilayah	121-144
Pengurusan Sumber Manusia	145-150
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	151-154
Pemasaran dan Pengedaran	155-162
Akademi DBP	163-174
Kalendar Aktiviti DBP 2020	175-182
Penyata Kewangan	183-222
Alamat DBP Cawangan dan Wilayah	223-224



MAKLUMAT KORPORAT

Latar Belakang Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau nama asalnya Balai Pustaka ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru, Johor sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Pelajaran. Penubuhan DBP untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang akan merdeka ketika itu. Pada peringkat awal, DBP mengorak usaha murninya di Bukit Timbalan, Johor Bahru.

Hasil daripada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang berlangsung di Singapura dan Johor Bahru dari 16 - 21 September 1956, kerajaan telah menerima cadangan kongres tersebut yang mahu menamakan

Balai Pustaka dengan nama Dewan Bahasa dan Pustaka. Di samping itu juga, DBP dinaikkan taraf sebagai badan yang mempunyai anggota lembaganya sendiri.

Pada tahun 1957, DBP telah berpindah ke Kuala Lumpur dan pejabatnya ditempatkan di Jalan Young. Perpindahan ini bagi memudahkan segala pelaksanaan tugasnya yang selaras dengan pengisytiharan bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi tunggal negara.

Pada tahun 1959, DBP dinaikkan taraf menjadi sebuah badan berkanun melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Dengan penaikan taraf ini, DBP diberikan kuasa autonomi untuk:

01

Menggubal dasarnya yang khusus.

02

Menyusun program pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera.

03

Menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif menurut prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan.

Pada tahun 1962, DBP berpindah ke bangunan sendiri di Jalan Lapangan Terbang Lama (sekarang Jalan Dewan Bahasa). Pada tahun 1977, DBP mengembangkan sayapnya ke Sabah dan Sarawak dengan membuka dua cawangan di Kota Kinabalu, Sabah dan di Kuching, Sarawak. Ini diikuti pula pembukaan tiga pejabat wilayah, iaitu Pejabat DBP Wilayah Utara di Bukit Mertajam, Pulau Pinang (1999), Pejabat DBP Wilayah Timur di Kota

Bharu, Kelantan (1999) dan Pejabat DBP Wilayah Selatan di Johor Bahru, Johor (2000).


Pada 20 Oktober 1995, Parlimen telah meluluskan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995 dengan tujuan memperluas Akta tersebut ke negeri Sabah dan Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Lambang Dewan Bahasa dan Pustaka

Lambang DBP mengandungi empat unsur: daun lontar yang terletak di tengah-tengah melambangkan tulisan zaman dahulukala dan ditulis dengan mata pena daripada tangkai daun resam yang mengapitnya, buku dan mata

pena yang terletak di bawah daun lontar melambangkan kegiatan penerbitan dan penulisan zaman sekarang. Keempat-empat unsur ini melambangkan tugas DBP sebagai badan yang mengembangkan bahasa, sastera kebangsaan dan pengetahuan melalui penulisan dan penerbitan.





DBP lahir daripada semangat dan sejarah perjuangan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia. Berdasarkan semangat inilah maka dibentuk budaya korporat DBP bagi melahirkan manusia yang bertanggungjawab terhadap kerja dan sikapnya:




PIAGAM PELANGGAN

Kami beriltizam untuk menghasilkan produk bahasa Melayu yang bermutu dan berwibawa melalui perkhidmatan yang cekap, cepat dan cemerlang. Dengan mengutamakan keperluan pengguna, kami menjanjikan produk dan perkhidmatan yang mendukung peluasan fungsi teras kami, iaitu bahasa, sastera dan penerbitan, seperti yang berikut:



LEMBAGA PENGELOLA





ديوان بهاسي دان فوستاكي
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

STRUKTUR ORGANISASI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2020



BAHAGIAN AUDIT DALAM
W48

Nurufhidayah binti
Muhammad Musaffa



BAHAGIAN UNDANG-UNDANG
L44

Mohd Isa bin Sapuan

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
JUSA C

Kamarul Zaman bin
Shaharudin



DBP CAWANGAN SABAH
S54

Aminah binti Awang Besar



DBP CAWANGAN SARAWAK
S54

* Abdul Wahab bin Hamzah



DBP WILAYAH TIMUR
S52

Hajah Che Zanab binti Omar



DBP WILAYAH TENGAH
S52

Haji Shariffuzain bin Malek



DBP WILAYAH SELATAN
S52

Nurhafazah binti
Muhammad Huzni



DBP WILAYAH UTARA
S52

Rahimi bin Ariffin



BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA N54

Haji Abdul Razhel bin
Sulaiman



BAHAGIAN PENTADBIRAN AM
N52

Dr. Rosliawaty binti Sheriff



BAHAGIAN PEMASARAN DAN
PENGEDARAN N52

Azhar bin Mohd Dora



BAHAGIAN KEWANGAN DAN BEKALAN
W48

Arman Haem bin Abdullah



BAHAGIAN KESELAMATAN
N41

Juhari bin Jusoh



AKADEMI DBP
N54

Haji Abd. Naim bin Haji Harun





BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT
FS2

* Hissamudin bin Md Mor



ديوان بهاس دان قوستاگے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

LEMBAGA PENGELOLA



AHLI LEMBAGA PENGELOLA DBP



**YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang
bin Sariyan**
Pengerusi Lembaga Pengelola DBP



**YBhg. Datuk Yusran Shah
bin Mohd Yusof**
*Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia*



**YBhg. To' Puan Azian binti
Abdul Aziz**
*Penggubal Undang-undang
Parlimen,
Jabatan Peguam Negara*



YBhg. Datu Dr. Sabariah Putit
*Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri,
Transformasi Prestasi dan
Penyampaian Perkhidmatan,
Jabatan Ketua Menteri Sarawak*



**YBhg. Dato' Sri Muhammad Shahrul
Ikram Bin Yaakob**
*Ketua Setiausaha,
Kementerian Luar Negeri*



**YBhg. Puan Norhana binti
Abdul Azis**
*Ketua Seksyen Pentadbiran,
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan,
Kementerian Kewangan Malaysia
(Wakil Tetap Ketua Setiausaha
Perbendaharaan)*



YBhg. Dato' Haji Suhaime bin Mahbar
*Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam (Operasi) Jabatan Perkhidmatan
Awam Malaysia
(Wakil Tetap Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam)*



YBhg. Tan Sri Syed Danial bin Syed Ahmad (*Wakil Raja-Raja*)
Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia
Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia



YBhg. Dato' Dr. Hussamuddin bin Haji Yaacob
Pengarah Urusan Kumpulan Kumpulan Media Karang kraf Sdn. Bhd.



YBhg. Puan Ainin binti Muhammad @ Ainin Mohd.
Pengerusi PTS Media Group Sdn. Bhd.



YBhg. Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin
Mufti Negeri Perlis
Jabatan Mufti Negeri Perlis



YB Datuk Seri Panglima Hashim Paijan
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Jabatan Ketua Menteri



YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah binti Haji Omar



YBhg. Prof. Datuk Dr. Harlina Halizah binti Siraj @ Ramli
Jabatan Pendidikan Perubatan UKM



YBhg. SN Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh






YBhg. Dato' Goh Hin San
Presiden Persatuan Kebudayaan Han Malaysia (Han)



ديوان بهاس دان قوستاگے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

KUMPULAN PENGURUSAN DBP





**YBhg. Datuk Abang Sallehuddin
bin Abg. Shokeran**
Ketua Pengarah



**YBhg. Dato' Padilah
binti Haji Ali**
*Timbalan Ketua Pengarah
(Dasar)*



**Encik Kamarul Zaman
bin Shaharudin**
*Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
(sehingga Januari 2020)*



**Tuan Haji Abdul Halim
bin Haji Harun**
*Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
(Dari 6 Ogos 2020 - kini)*




Tuan Haji Md Johari bin Hasan
*Pengarah Jabatan Pembinaan
Bahasa dan Sastra
(Dari 2 Mei 2019 hingga 9 Ogos 2020)
Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan
(Dari 10 Ogos 2020 - kini)*




Dr. Haji Abang Patdeli bin Abang Muhi
*Pengarah Jabatan Penerbitan
(Dari 2 Mei 2019 hingga 9 Ogos 2020)
Pengarah Jabatan Pembinaan
Bahasa dan Sastra
(Dari 10 Ogos 2020 - kini)*



Dr. Hazami bin Jahari
*Pengarah Jabatan Pengembangan
Bahasa dan Sastra*



JABATAN **DASAR DAN** **PENYELIDIKAN**



JABATAN PEMBINAAN BAHASA DAN SASTERA

Jabatan Dasar dan Penyelidikan ditubuhkan selepas Penstrukturan Semula Struktur Organisasi (PSSO) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2010. Jabatan ini bertanggungjawab memastikan program penyelidikan bahasa, sastera, penerbitan dan korporat dilaksanakan di samping mengenal pasti serta merangka pelan strategik untuk pencapaian misi dan visi DBP.

Jabatan Dasar dan Penyelidikan juga bertanggungjawab memperluas rangkaian kerjasama DBP dengan institusi luar dan memperkaya serta memelihara koleksi khazanah kepustakaan Melayu dalam bidang persuratan Melayu.

Fungsi Jabatan Dasar dan Penyelidikan dijalankan melalui empat bahagian berikut:



DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

FUNGSI UTAMA BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK



Pembangunan Pelan Strategik DBP 2021-2025

Pelan Strategik DBP 2021-2025 ialah rujukan utama kepada setiap Jabatan/Bahagian/Cawangan/Wilayah dalam merancang strategi dan inisiatif secara sistematik, berstruktur dan bersepadu untuk tempoh lima tahun bagi memastikan visi, misi dan tujuan penubuhan DBP serta matlamat strategik yang disasarkan dapat dicapai. Pelan Strategik ini juga memusatkan keseluruhan komitmen dan tumpuan Pengurusan Tertinggi DBP dan warga kerja DBP dalam usaha memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan.

Bagi memastikan Pelan Strategik yang dibangunkan ini selari dengan perkembangan semasa dan harapan pelanggan, DBP telah melaksanakan analisis persekitaran, mengkaji dan meneliti cabaran dalaman dan luaran, isu-isu strategik, merujuk Lembaga Pengelola DBP dan Kumpulan Pengurusan DBP, mendapatkan pandangan dan cadangan daripada warga kerja DBP serta pelanggan luar dan pelaksanaan beberapa siri bengkel yang telah diadakan sepanjang tahun 2020.



Bengkel Penyediaan Pelan Strategik DBP 2021 – 2025.

Dapatan daripada pandangan, cadangan dan kajian yang dilaksanakan, Pelan Strategik DBP 2021-2025 telah dibangunkan dengan matlamat strategik, iaitu Mengindustrikan dan Melestarikan Bahasa dan

Persuratan Melayu yang memberikan tumpuan kepada tiga teras strategik, iaitu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ekonomi, bahasa negara dan bahasa ilmu bagi memastikan bahasa Melayu kekal menunjangi ketamadunan negara.



Kesemua teras strategik ini digubal berpandukan kepentingan pihak berkepentingan, keperluan masyarakat, senario semasa, cabaran yang sedang dihadapi dan cabaran mendatang. Setiap teras strategik ini disokong oleh strategi utama dan inisiatif utama

serta petunjuk prestasi utama sebagai panduan kepada Jabatan/Bahagian/Cawangan/Wilayah untuk merancang dan melaksanakan program/aktiviti yang memberi dampak positif kepada usaha Mengindustrikan dan Melestarikan Bahasa dan Persuratan Melayu.

Audit MS ISO 9001:2015

DBP telah memperoleh Sijil MS ISO 9001:2015 daripada SIRIM pada 23 Oktober 2018. Bermula dari tarikh itu, DBP telah beralih daripada MS ISO 9001:2008 kepada versi baharu tersebut. Skop pensijilan MS ISO 9001:2015 DBP merangkumi Proses Pembinaan dan Pengembangan Bahasa dan Sastera Kebangsaan serta Penerbitan dalam Pelbagai Bidang.

Seterusnya DBP telah berjaya melalui Audit Pensijilan

Semula MS ISO 9001:2015 pada 9 hingga 11 Oktober 2019. Pengiktirafan sijil MS ISO 9001:2015 kepada DBP diteruskan bagi tempoh tiga tahun bermula pada 14 Oktober 2019 sehingga 4 November 2022. Pada tahun 2020, DBP telah melaksanakan Audit Dalam MS ISO 9001:2015 pada 21 hingga 25 September 2020 melibatkan seramai 24 Juruaudit Dalam MS ISO yang melaksanakan tugas pengauditan. Audit Pemantauan oleh SIRIM pula telah dilaksanakan pada 30 November hingga 1 Disember 2020.



Mesyuarat Pembukaan Audit Dalam MS ISO 9001: 2015 dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan, Tuan Haji Md. Johari Hasan.



Sesi bergambar Pengurusan DBP bersama-sama Juruaudit Dalam DBP.

Pengauditan MS ISO 9001:2015 diadakan pada setiap tahun bagi memastikan semua staf melaksanakan kerja berdasarkan prosedur dan arahan kerja serta mematuhi peraturan dan Pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa.

Pada masa yang sama, pengauditan ini juga bertujuan untuk menilai tahap kepatuhan warga DBP kepada Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015.

PENYELIDIKAN BAHASA

Penyelidikan bahasa merupakan satu elemen yang penting dalam pembinaan bahasa Melayu, khususnya pada peringkat pembinaan kosa ilmu, korpus bahasa dan penilaian perancangan bahasa. DBP sentiasa bersedia dan berusaha untuk mengumpulkan maklumat bahasa Melayu yang pelbagai melalui penghasilan pedoman bahasa Melayu dan menyediakan prasarana penyelidikan bahasa untuk keperluan dan capaian pengguna bahasa Melayu.

Di DBP, kerja penyelidikan bahasa dilaksanakan dengan berasaskan metodologi penyelidikan yang piawai untuk

memperoleh produk yang bermanfaat kepada pengguna bahasa. Dengan cara ini, DBP mampu menyediakan pelbagai panduan bahasa Melayu, menelusuri dan mendokumentasikan sejarah serta perkembangan bahasa Melayu dan menyediakan maklumat dan prasarana penyelidikan bahasa.

Terdapat tiga fungsi utama penyelidikan bahasa yang dilaksanakan oleh DBP seperti yang berikut:

FUNGSI UTAMA PENYELIDIKAN BAHASA DBP



Penyelidikan Linguistik

Mengkaji pelbagai aspek linguistik bahasa Melayu dan Mendokumentasi maklumat dan kegiatan penyelidikan bahasa Melayu



Penyelidikan Sociolinguistik

- Mengkaji tahap penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu;
- Mengkaji penggunaan dialek Melayu dan bahasa sukuan di Malaysia;
- Mengkaji aspek bahasa dalam naskah Melayu lama serta mengkaji pemikiran tokoh bahasa.



Kajian/penulisan tatabahasa

- Meneliti dan membuat kajian tatabahasa bahasa Melayu berdasarkan keperluan pengguna
- Meneliti dan mengemas kini sistem bahasa Melayu dengan tujuan melengkapkan pedoman dan tatabahasa Melayu serta menghasilkan bahan rujukan mudah dan praktis.

Berdasarkan fungsi berkenaan, sebanyak 18 projek penyelidikan bahasa dilaksanakan pada tahun 2020. Perincian projek mengikut fungsi penyelidikan bahasa adalah seperti yang berikut:

1 Penyelidikan Linguistik

- Kajian Wacana Pelbagai Genre Teks Melayu
- Kajian Pragmatik Bahasa Melayu
- Kajian Kesantunan Bahasa di Parlimen

2 Penyelidikan Sosiolinguistik

- Kajian Tahap/Status Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Akademik
- Kajian Indeks Bahasa Melayu
- Kajian Tahap Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Laman Sesawang Kerajaan Negeri di Malaysia: Sarawak
- Kajian Tahap Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Tempat Awam di Kuching, Sarawak
- Kajian Tahap Penggunaan Bahasa Kebangsaan di Tempat Awam di Kota Kinabalu, Sabah
- Aspek Akal Budi dalam Ilmu Bedil
- Transliterasi Manuskrip Melayu Lama: Perkapalan Ms2588
- Kajian Pemikiran Tokoh Bahasa Melayu: Asraf
- Kajian Pemikiran Tokoh Bahasa Melayu: Nik Safiah
- Kajian Pemikiran Tokoh Bahasa Melayu: Abdullah Hassan
- Direktori Penyelidikan Dan Penyelidikan


3 Kajian/Penulisan Tatabahasa

- Nahu Fungsian Bahasa Melayu
- Penyemakan Pedoman Ejaan
- Pedoman Bahasa Melayu
- Penggolongan Kata Bahasa Melayu



Daripada 18 projek penyelidikan bahasa yang dilaksanakan, 11 daripadanya merupakan projek Penyelidikan Sosiolinguistik, empat projek daripada Kajian/Penulisan Tatabahasa, dan tiga projek daripada fungsi Penyelidikan Linguistik.

PERATUS PROJEK PENYELIDIKAN BAHASA DBP 2020



Setiap projek penyelidikan bahasa yang diusahakan memainkan peranan penting dalam pemertabatan bahasa kebangsaan. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan meningkatkan dan menyebarkan hasil

penyelidikan mengikut fungsi yang ditetapkan kepada pengguna bahasa kebangsaan. Penerangan projek mengikut fungsi penyelidikan bahasa adalah seperti yang berikut:

1 PEYELIDIKAN LINGUISTIK

1

Kajian Wacana Pelbagai Genre Teks Melayu

Kajian memberi tumpuan kepada pelbagai genre teks bahasa Melayu dalam pelbagai domain wacana untuk mengenal pasti ciri penggunaan bahasa dalam konteks tertentu

2

Kajian Pragmatik Bahasa Melayu

Kajian bertujuan untuk meneliti pola penggunaan bahasa Melayu dalam konteks situasi dan interaksi sebenar bahasa ini diamalkan oleh penuturnya

3

Kajian Kesantunan Bahasa Melayu

Kajian dilaksanakan bagi melihat dan meninjau kesantunan bahasa yang diujarkan oleh ahli-ahli Parlimen

2 PEYELIDIKAN SOSIOLINGUISTIK

Sebanyak 11 projek penyelidikan sosiolinguistik yang dijalankan pada tahun 2020, 8 projek diteruskan pada tahun 2021, dan 3 projek selesai.



• Tahun 2020, DBP meneruskan kajian Tahap Penggunaan Bahasa Kebangsaan di tempat awam di Kota Kinabalu, Sabah selepas Sarawak. Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti tahap penggunaan bahasa kebangsaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan.



• Kajian Pemikiran Tokoh pula bertujuan mengangkat martabat tokoh bahasa Melayu agar dihormati dan dijadikan pedoman oleh semua golongan masyarakat



• DBP juga mengambil inisiatif untuk melaksanakan kajian indeks bahasa Melayu
• Kajian ini dilaksanakan untuk mengukur pencapaian pemertabatan bahasa Melayu di Malaysia



• Dua laporan kajian yang selesai ialah kajian tahap penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam di Kuching, Sarawak dan kajian tahap bahasa kebangsaan dalam Laman Sesawang Kerajaan Negeri di Malaysia: Sarawak
• Manuskrip Melayu Lama: Perkapalan MS2588 juga selesai ditransliterasi.


3

KAJIAN/PENULISAN TATABAHASA



Penyelidikan memfokuskan aspek tatabahasa seperti kajian tatabahasa dan sistem bahasa Melayu dengan tujuan menghasilkan bahan rujukan mudah dan praktis tentang bahasa Melayu.

Projek Penyemakan Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu bertujuan mengemaskini maklumat pedoman terdahulu



Selain itu, Kajian Nahu Fungsian Bahasa Melayu yang menghuraikan pelbagai aspek dalam bahasa Melayu (bentuk dan makna) berdasarkan kerangka nahu fungsian turut diberi perhatian

Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan untuk pelbagai jenis data seperti data syarahan politik, sastera dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2020, DBP berjaya melaksanakan beberapa bengkel penyelidikan bahasa. Bengkel yang dilaksanakan ini secara tidak langsung memberikan impak positif ke arah pembangunan kemahiran karyawan

DBP dalam aspek penyelidikan yang lebih terarah dan profesional khususnya dalam bidang bahasa dan sastera. Antara bengkel dan perbincangan projek yang dilaksanakan seperti yang berikut:

Bengkel Indeks Bahasa Melayu





Perbincangan Awal Projek Kajian Pemikiran Tokoh: Abdullah Hassan



Sanggar Pembinaan Instrumen Penyelidikan Bahasa dan Sastera Melayu





PENCAPAIAN PEYELIDIKAN BAHASA 2020




1) Laporan Lengkap Kajian

- Laporan Lengkap Kajian Tahap Penggunaan Bahasa Kewbangsaan Di Tempat Awam Di Malaysia: Kuching Sarawak
- Laporan Lengkap Kajian Tahap Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Laman Sesawang Kerajaan Negeri Sarawak



2) Pedoman Dalam Bentuk Infografik


- Kata Kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap
- Kata Kerja Aktif Tak Transitif



PENYELIDIKAN SASTERA

Dalam usaha pemeraksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan pementapan serta peluasan khazanah ilmu, DBP terus giat menjalankan penyelidikan dan menyediakan hasil kajian dalam bidang sastera. Fungsi penyelidikan sastera dilaksanakan oleh Bahagian

Penyelidikan Sastera melalui penyelidik dalaman atau bersinergi dengan penyelidik atau pakar luar daripada pelbagai institusi. Terdapat lima fungsi utama penyelidikan sastera yang dilaksanakan oleh DBP seperti yang berikut.



Secara ringkasnya, pencapaian DBP dalam fungsi penyelidikan sastera sepanjang tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

MANUSKRIP	KAJIAN/LAPORAN	WACANA/KULIAH
<ul style="list-style-type: none"> • Hikayat Ayob (MS 29) dan Syair Nabi Ayob 	<ul style="list-style-type: none"> • Lima makalah kajian untuk jurnal PANGSURA 	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana Sastera bertajuk Kesusasteraan Melayu Komunikatif Menyantuni Era Revolusi Industri 4.0 oleh Prof. Dr. Mokhtar Abu Hassan
<ul style="list-style-type: none"> • Naskhah Kesultanan Tradisional Negeri Sembilan 		<ul style="list-style-type: none"> • Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan (SKKB) MASTERA bertajuk Menelusuri Puitika Sastera Wanita dalam Novel Serumpun oleh Prof. Madya Dr. Norhayati Ab. Rahman
<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Sastera dan Industri Skrin 		
<ul style="list-style-type: none"> • Mempermudah Novel lakah Salmah? 		

MANUSKRIP	KAJIAN/LAPORAN	WACANA/KULIAH
<ul style="list-style-type: none">• Kajian Bandingan Penulisan Sejarah Sastra di Nusantara: “Yang Terpisah dan Yang Terasing”. Kajian SKKB: Dr. Noridah Kamari• Kajian Bandingan “Jaringan Komuniti Sastra Majlis Sastra Asia Tenggara (MASTERA) Secara Lintas Budaya”. Kajian SKKB: Dayang Aminah Haji Momin		

Sepanjang tahun 2020, DBP juga telah berjaya melaksanakan beberapa kegiatan berbentuk wacana yang menyumbang kepada fungsi penyelidikan sastra di dalam negara dan serantau dengan kerjasama pelbagai pihak seperti yang berikut:



Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan Mastera XXIII 2020



Wacana Sastra: Kesusasteraan Melayu Komunikatif Menyantuni Era Revolusi Industri 4.



Di samping itu, melalui hasil penyelidikan sastera, DBP juga telah berjaya menerbitkan lima (5) buah buku seperti yang berikut:



Penyelidikan sastera pada tahun 2020.

Pusat Dokumentasi Melayu

Pusat Dokumentasi Melayu (PDM) merupakan sebuah perpustakaan khusus yang bertanggungjawab mendokumentasikan dan memperluas penyebaran khazanah kepustakaan bahasa serta persuratan Melayu dalam pelbagai jenis bahan dan bentuk bagi menyokong peranan DBP sebagai pusat rujukan dan penyelidikan Melayu Nusantara.

Pembangunan Koleksi PDM

Peranan DBP dalam memartabatkan bahasa dan sastera Melayu turut didukung melalui kerja-kerja pendokumentasian. Hal ini bagi membolehkan usaha

menyebarkan penggunaan bahasa dan sastera Melayu dilaksanakan secara optimum dan terancang. PDM memainkan peranan penting bagi memastikan proses pendokumentasian, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran persuratan Melayu terus dipergiat. Sepanjang tahun 2020, pelbagai program telah dijalankan bagi memperkukuh dan memperkaya koleksi kepustakaan Melayu di PDM. Pencapaian kumulatif pembangunan koleksi PDM bagi tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

1. BAHAN BERCETAK



- Monograf : 266,116 naskah
- Majalah : 16,961 naskah
- Akhbar : 102,421 naskah
- Kertas Persidangan/Seminar : 3,051 judul
- Tesis : 419 naskah
- Buku Cenderamata/Risalah : 7,221 judul

2. AUDIOVISUAL



- Gambar Foto/slaid : 195,074 Imej
- Pita Video : 6,462 Judul
- Pita Kaset : 653 Judul
- Pita Ril : 315 Judul
- Piring Hitam : 107 Judul
- Mikrografi : 11,965 Judul
- Bahan Digital (CD/VCD/CD-ROM) : 5,669 Unit

3. INDEKS

Akhbar dan Majalah
377,863 entri



4. MANUSKRIP

Manuskrip :328 judul















5. PENGKALAN DATA

Blis Bernama : 1 judul



Pembinaan Koleksi Digital

Seiring dengan perkembangan arus teknologi maklumat, pembinaan sumber digital dilakukan melalui usaha pendigitalan pelbagai jenis bahan. Pada tahun 2020, pencapaian perangkaan pendigitalan koleksi PDM adalah seperti yang berikut:

JENIS BAHAN	JUMLAH TAHUN SEMASA	JUMLAH KUMULATIF 2020
Buku Dbp 	20,824 Imej	399,461 Imej
Majalah Dbp 	16,071 Imej	326,781 Imej
Gambar Foto 	19,445 Imej	205,853 Imej
Keratan Akhbar 	473 Imej	211,040 Imej
Video Digital 	120 Judul	307 Judul
Pita Ril 	-	100 Judul
Laporan Tahunan 	-	5,000 Imej (42 Judul)
Kalendar 	-	44 Judul
Mikrofilem 	66,606 Imej (32 Judul)	22,600 Imej
Kertas Kerja 	5,149 Imej	29,651 Imej
Buku Cenderamata 	-	18,750 Imej (998 Judul)
Manuskrip 	-	36, 430 Imej

Pendokumentasian dan Penerbitan

Usaha pendokumentasian seperti mengindeks makalah, mengemas kini direktori dan mengkatalog koleksi dilaksanakan secara berterusan sebagai satu langkah untuk menguruskan bahan secara sistematik agar dapat disebar kepada para pengguna.

BIBLIOGRAFI SASTERAWAN NEGARA DATUK DR. ZURINAH HASSAN



- Diterbitkan pada tahun 2020 dengan jumlah 426 entri.
- Penerbitan bibliografi ini dapat memperkenalkan tokoh dan kepengarangan Sasterawan Negera di samping membantu para penyelidik membuat rujukan mengenai tokoh yang dipilih.
- Bibliografi ini boleh diakses secara maya melalui <http://pustakapdm.dbp.my>

MUTIARA PUSTAKA



- Penerbitan buletin *Mutiara Pustaka* sebagai satu wahana menyebarkan maklumat persuratan melayu kepada para pengguna dan penyelidik melengkapkan pemahaman dan pengetahuan pengguna sasaran tentang perkhidmatan dan kekayaan koleksi persuratan Melayu di DBP.
- Buletin *Mutiara Pustaka* ini boleh diakses secara maya melalui <http://pustakapdm.dbp.my>

Pemeliharaan dan Pemuliharaan

Sebagai langkah pemuliharaan, PDM telah memberikan tumpuan kepada projek pemuliharaan koleksi. Antaranya, melalui pemuliharaan koleksi tokoh sejumlah 20 naskah serta penjilidan secara dalaman berjumlah 1788 naskah. Usaha ini dilaksanakan untuk menyelamatkan khazanah ilmu daripada rosak dan musnah, terutamanya bahan manuskrip agar dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Di samping itu juga, usaha memulihara bahan mikrofilem dilaksanakan dengan sejumlah 181 judul gelendong dibuat proses pencucian dan duplikasi.

Penyebaran Perkhidmatan Kepustakaan Melayu DBP

Penyebaran maklumat yang sistematik dalam pelbagai bentuk yang berkaitan dengan persuratan Melayu dilaksanakan bagi menyebarkan penggunaan maklumat secara optimum. Pelbagai jenis program yang meliputi kolaborasi dengan agensi luar dilaksanakan bagi mencapai peningkatan penggunaan perkhidmatan yang lebih menyeluruh, khususnya dalam kalangan pengguna, penyelidik dan masyarakat umum:

Pemeliharaan dan Pemuliharaan

Sebagai langkah pemuliharaan, PDM telah memberikan tumpuan kepada projek pemuliharaan koleksi. Antaranya, melalui pemuliharaan koleksi tokoh sejumlah 20 naskhah serta penjilidan secara dalaman berjumlah 1788 naskhah. Usaha ini dilaksanakan untuk menyelamatkan khazanah ilmu daripada rosak dan musnah, terutamanya bahan manuskrip agar dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang. Di samping itu juga, usaha memulihara bahan mikrofilem dilaksanakan dengan sejumlah 181 judul gelendong dibuat proses pencucian dan duplikasi.

Penyebaran Perkhidmatan Kepustakaan Melayu DBP

Penyebaran maklumat yang sistematik dalam pelbagai bentuk yang berkaitan dengan persuratan Melayu dilaksanakan bagi menyebarluaskan penggunaan maklumat secara optimum. Pelbagai jenis program yang meliputi kolaborasi dengan agensi luar dilaksanakan bagi mencapai peningkatan penggunaan perkhidmatan yang lebih menyeluruh, khususnya dalam kalangan pengguna, penyelidik dan masyarakat umum:

	RAKAN DBP Rakan DBP ialah satu program keahlian yang membolehkan masyarakat mendapat kemudahan rujukan kepustakaan Melayu, meningkatkan keintelektualan dan keserjanaan dalam bidang persuratan Melayu serta membudayakan minat membaca sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat. Sepanjang tahun 2020, seramai 253 orang telah berdaftar sebagai ahli.
	GERAKAN MEMBACA Penganjuran kegiatan gerakan membaca oleh PDM, dilaksanakan secara berterusan pada setiap tahun selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu menjelang tahun 2030 dan menggiatkan program dekad membaca kebangsaan

Program Gerakan Membaca

1. WACANA PELESTARIAN BAHASA PERIBUMI <ul style="list-style-type: none">• 21 Februari 2020 (Jumaat)• 10.00 pagi - 12.30 tengah hari• Stor Teater, Wisma DBP	
2. BICARA TOKOH WANITA <ul style="list-style-type: none">• 13 Mac 2020 (Jumaat)• 10.00 pagi - 12.00 tengah hari• Anjung DBP, Menara DBP	
3. BICARA KARYAWAN PROFESIONAL <ul style="list-style-type: none">• Dimuat naik ke siaran You Tube rasmi DBP pada 23 April 2020	

4. PERTANDINGAN BACA NASKAH MELAYU KLASIK

- Dimuat naik ke siaran You Tube rasmi DBP
- Tarikh akhir penyertaan pada 18 Mei 2020



5. BICARA KEMERDEKAAN (kerjasama PDM dan Bahagian Buku Sastera)

- Dimuat naik ke siaran You Tube rasmi DBP pada 28 Ogos 2020




6. WACANA ILMUAN: PENERBITAN KAMUS DALAM USAHA PENINGKATAN LITERASI

- 25 September 2020 (Jumaat)
- 10.00 pagi - 12.30 tengah hari
- Anjung DBP, Menara DBP



7. WACANA HARI KANAK-KANAK: PERANAN KOMIK DALAM MEMUPUK MINAT MEMBACA

- Dimuat naik ke siaran You Tube rasmi DBP pada 20 November 2020



Pameran

Bagi menyokong program dan projek utama yang dijalankan oleh DBP, PDM sentiasa komited memberikan sokongan dalam menyebarkan maklumat kepada khalayak masyarakat. Sejumlah 12 pameran telah diadakan seperti yang berikut:

- 20-24 Januari 2020 1. PAMERAN PERTANDINGAN MEREKA CIPTA POSTER GRAFIK INTEGRITI Ruang Legar Galeri Bahasa Jiwa Bangsa

- 1 Oktober 2019 -4 Febuari 2020 2. PAMERAN BERKALA SN SITI ZAINON ISMAIL Galeri Bahasa Jiwa Bangsa

- 4 Febuari 2020 3. PAMERAN BERKALA GERAKAN DEKAD BAHASA KEBANGSAAN Ruang Legar Galeri Bahasa Jiwa Bangsa

- 21 Febuari 2020 4. PAMERAN BERSEMPENA DENGAN: WACANA PELESTARIAN BAHASA PRIBUMI Stor Teater,Wisma DBP

- 24-25 Febuari 2020 5. PAMERAN BERSEMPENA DENGAN : BENGKEL PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN MANUSKRIP ALAM MANUSIA Bilik Senat, Tingkat 5, Bangunan Canselori, UKM

- 04 Julai 2020 6. PAMERAN BERKALA BERSEMPENA DENGAN : ULANG TAHUN DBP KE 64 BENTALA DBP : PELESTARIAN PEESURATAN Ruang Legar Galeri Bahasa Jiwa Bangsa

- 23 Julai 2020 7. PAMERAN ANUGERAH PERKHIDMATAN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019 Balai Budaya Tun Said Nasir

- 23 Julai - 30 Ogos 2020 8. TAYANGAN VIDEO PAMERAN ANUGERAH PERKHIDMATAN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019 Galeri Bahasa Jiwa Bangsa

- 04 - 30 September 2020 9. SOROTAN KEMERDEKAAN Ruang Legar Galeri Bahasa Jiwa Bangsa

- 10 September 2020 10. PAMERAN BERSEMPENA DIALOG REKA BENTUK BUKU Dewan Seminar Wisma DBP

- 06 - 31 Oktober 2020 11. PAMERAN RUKUN NEGARA Ruang Legar Menara DBP

- 01 - 27 Disember 2020 12. PAMERAN DEKAD MEMBACA Institut Kanser Negara

Muzium Bahasa dan Persuratan Melayu (MBPM)

MBPM bertindak sebagai sebuah unit penting bagi mengumpul, mendokumenkan dan memelihara maklumat dan objek-objek mengenai sejarah perkembangan dan kemajuan bahasa serta persuratan Melayu.

MUZIUM BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU (MBPM)

OBJEKTIF PENUBUHAN MBPM



Mewujudkan sebuah pusat pendidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan, pameran serta mempromosi maklumat berkaitan sejarah dan perkembangan bahasa dan persuratan Melayu

TUMPUAN MBPM 2020




1 Menyediakan teks papan cerita yang lebih lengkap dan menyeluruh bagi pengisian MBPM




2 Langkah persediaan awal bagi mengadakan bengkel pemurnian teks papan cerita MBPM



3 Menyokong aktiviti bagi program Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020



JABATAN **PEMBINAAN BAHASA** **DAN SASTERA**



JABATAN PEMBINAAN BAHASA DAN SASTERA

Sebagai badan perancangan bahasa dalam negara, fungsi pembinaan, pengembangan bahasa dan persuratan Melayu merupakan teras utama bagi mencapai tanggungjawab tersebut. DBP terus giat membina serta memperkaya korpus dan sumber leksikal bahasa Melayu daripada pelbagai bidang ilmu


melalui kegiatan penyusunan kamus, penggubalan istilah dan pembinaan ensiklopedia. Usaha dan upaya secara berterusan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini dilaksanakan oleh DBP melalui tiga bahagian berikut:

JABATAN PEMBINAAN BAHASA DAN SASTERA

01 

Bahagian Pengkamusan


Bertanggungjawab membina dan memantapkan bahasa Melayu dengan merakam kosa kata, lengkap dengan maklumat ejaan, tatabahasa, morfologi, makna, pemakaian kata, laras dan etimologi melalui penyusunan pelbagai jenis kamus.



Bahagian Peristilahan

Bertanggungjawab membina dan memperkaya bahasa Melayu melalui penggubalan istilah dalam pelbagai bidang ilmu, penyusunan kamus istilah serta pembinaan dan pemantapan pengkalan data korpus dan leksikal bahasa Melayu.

 02



03 

Bahagian Ensiklopedia


Bertanggungjawab membina, memperkaya dan memperkembang bahasa Melayu dalam pelbagai bidang ilmu melalui penyusunan dan penerbitan pelbagai jenis ensiklopedia.

PERKAMUSAN

DBP sebagai peneraju bidang perkamusan yang berwibawa sentiasa tekak meneruskan usaha penyusunan pelbagai jenis kamus yang terdiri daripada kamus ekabahasa dan kamus dwibahasa serta memulakan usaha peringkat awal ke arah penerbitan

kamus dalam talian. Kamus yang disusun ini menjadi khazanah ilmu tersedia, iaitu sebagai bahan rujukan bahasa, khususnya dalam bahasa kebangsaan, persuratan dan tamadun Melayu, yang dapat dimanfaatkan oleh pengguna untuk penyelidikan dan penulisan.

MAKLUMAT KANDUNGAN KDP



- 120 000 entri/subentri bahasa melayu
- Berasaskan analisis data korpus 113 juta kata
- Dilengkapi 120 000 ejaan jawi
- Dilengkapi lebih 120 000 transkripsi fonetik
- Disertakan kelas kata dan label laras
- Dimasukkan 7000 maklumat asal usul kata
- Takrifan istilah daripada pakar bidang berwibawa
- Takrifan kata-kata dialek daripada informan terpilih
- Takrifan kata-kata bahasa serumpun daripada informan terpilih
- Pecahan makna mengikut penggunaan
- Contoh penggunaan terpilih
- Disertakan maklumat tambahan
- Dilengkapi peribahasa

PENYUSUNAN KAMUS EKABAHASA

Kamus Dewan Perdana, 2020

Kamus Dewan Perdana (KDP) telah berjaya diterbitkan pada 1 Oktober 2020. KDP merupakan kamus bahasa Melayu terbesar dan terlengkap yang mendokumentasikan penggunaan dan perkembangan bahasa Melayu mulai awal tahun 1900 hingga kini. Kata-kata yang menjadi entri dan subentri KDP terdiri daripada kosa kata umum, kata klasik, kata dialek,

kata bahasa sukuan, kata bahasa serumpun, kata pinjaman asing, kata variasi sosial yang meliputi slanga, kata arkaik, bahasa basahan dan bahasa diraja, serta istilah-istilah daripada pelbagai bidang ilmu, misalnya bidang kejuruteraan, perubatan, ekonomi, komputer dan teknologi maklumat. Sasaran pengguna KDP ialah penutur asli bahasa Melayu dan bukan penutur asli bahasa Melayu yang mahir menggunakan bahasa Melayu.





Penyemakan NSK Kamus Dewan Perdana.



Pencetakan Kamus Dewan Perdana.



Promosi Kamus Dewan Perdana.




Ketua Pengarah bersama-sama mantan Pengerusi Lembaga Pengelola DBP dan Kamus Dewan Perdana.

PENYUSUNAN KAMUS DWIBAHASA

Kamus Saku Melayu – Inggeris Dewan

Selaras dengan pelaksanaan Pelan Strategik DBP 2016 – 2020, Program Penyusunan Kamus Dwibahasa diteruskan dengan penyusunan *Kamus Saku Melayu-Inggeris Dewan*. Kamus ini merupakan kamus janaan daripada *Kamus Melayu-Inggeris Dewan* yang terbit pada tahun 2012. Kamus ini mengandungi maklumat entri dalam bahasa Melayu, huraian ringkas dan

padanannya dalam bahasa Inggeris, subentri, huraian ringkas dan padanannya, frasa entri dan frasa subentri yang lazim digunakan serta padanannya, transkripsi fonemik bagi membantu pelajar menyebut perkataan dengan betul, label penggunaan, maklumat penggunaan dan ejaan Jawi.



Bengkel Penyediaan Manuskrip Bersih Kamus Saku Melayu – Inggeris Dewan.

Kamus Perancis – Melayu Dewan Edisi Kedua

Penerbitan *Kamus Perancis – Melayu Dewan Edisi Kedua* didasarkan untuk membantu penutur bahasa Perancis mempelajari bahasa Melayu, di samping menjadi bahan rujukan kepada mereka yang membaca dan bertutur dalam bahasa Perancis. Edisi kedua ini mengandungi 20 800 entri/subentri serta maklumat padanan, contoh


penggunaan dan peribahasa yang sering digunakan. Penyusunan kamus ini dilakukan dengan kerjasama penterjemah bebas dan penutur asli bahasa Perancis serta pakar dari Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA.

Pencapaian
2020

Kamus Perancis - Melayu
Dewan Edisi Kedua

8073
entri/subentri

36 kali bengkel
penyemakan




Bengkel Penyemakan Kamus Perancis – Melayu Dewan Bersama-Sama Pakar.

Kamus Melayu – Khmer Dewan

Satu lagi projek yang sedang dilaksanakan ialah *Kamus Melayu - Khmer Dewan*. Sasaran pengguna kamus ini ialah penutur asli bahasa Khmer untuk mempelajari bahasa Melayu secara praktis. Kamus ini mengandungi entri dalam bahasa Melayu, padanan

dalam bahasa Khmer, maklumat sebutan, kelas kata dan contoh penggunaannya dalam bahasa Melayu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Khmer. Kamus ini disusun dengan kerjasama pakar bahasa dari Kemboja.




Bengkel editorial bersama-sama pakar secara dalam talian.

Kamus Melayu – Jerman Dewan

DBP sentiasa berusaha meningkatkan penggunaan dan pengantarabangsaan bahasa Melayu. Pada tahun 2020, DBP memulakan projek penyusunan *Kamus Melayu –*

Jerman Dewan. Projek ini dijangka selesai pada tahun 2023 dengan jumlah sasaran 10 000 entri dan subentri.



Bengkel editorial bersama-sama pakar.

PENYUSUNAN KAMUS KHUSUS

Kamus Kosa Kata Tunggal Al-Quran

Penyusunan kamus khusus, iaitu *Kamus Kosa Kata Tunggal Al-Quran (Mu'jam Faraid Al-Quran)* telah dimulakan pada pertengahan tahun 2019. Penyusunan sebanyak 400 entri yang merupakan kata yang muncul

hanya sekali dalam al-Quran dilakukan oleh Profesor Dr. Mujahid M Bahjat. Entri tersebut diterjemahkan oleh pakar yang dilantik, iaitu Ustaz M. Iqbal Hanif bin Mohamed Rusdi.

Pencapaian 2020
kamus kosa kata
tunggal Al-Quran



Peringkat Pracetak - Penyemakan Pruf




Bengkel penyelarasan bersama-sama penterjemah.

PANGKALAN DATA KERJASAMA PERKAMUSAN

Kamus Dewan Perdana dalam Talian (KDPDT)

Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat, DBP terus mengorak langkah dalam penerbitan kamus dalam talian. Selain menerbitkan KDP secara konvensional, usaha ke arah penghasilan KDP dalam talian sedang giat dilaksanakan. Usaha tersebut termasuklah melaksanakan kerja-kerja penstrukturan data, pemurnian data, penelitian dan penambahbaikan


kaedah penstrukturan data, khususnya bagi data KDP dengan menggunakan perisian *TshwaneLex*. Turut diadakan Bengkel Konsep KDP Dalam Talian, Bengkel Penyemakan Data Terstruktur KDP, Bengkel Kajian Spesifikasi KDP dalam Talian dan Bengkel Tunjuk Ajar Struktur Data Secara Pukal.



Portal Gerbang Kata

Sesuai dengan dunia tanpa sempadan, DBP mewujudkan sebuah portal yang diberikan nama Gerbang Kata. Portal ini merupakan medium untuk masyarakat turut sama menyumbangkan maklumat berkaitan dengan kosa kata bahasa Melayu. Portal Gerbang Kata ini sentiasa dikemas kini dan menerima maklum balas daripada

masyarakat luar yang berminat dengan pengisian kosa kata baharu. Sebarang kata dan makna baharu boleh disumbangkan melalui menu Saran Kata pada portal tersebut. Portal ini boleh dicapai melalui alamat www.ekamus.dbp.gov.my.



Mesyuarat panduan tatacara penggunaan Portal Gerbang Kata.

Wacana Perkamusan: Kamus Dewan Perdana Khazanah Unggul

DBP turut menjalankan aktiviti untuk mempromosikan kamus kepada khalayak pengguna melalui program Bersahabat dengan Kamus. Pada tahun 2020, sebuah wacana telah diadakan bersempena dengan penerbitan Kamus Dewan Perdana. Ahli panel yang diundang terdiri daripada YBrs. Dr. Zaharani Ahmad, Puan Hajah Noresah Baharom, Puan Hajah Nor Azizah Abu Bakar dan Puan Hajah Salmah Jabbar. Wacana perkamusan ini dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Rusmadi Baharudin

dan disiarkan secara langsung melalui Facebook rasmi DBP. Ahli panel telah berkongsi ilmu dan pengalaman masing-masing ketika menjadi Ketua Editor dan pakar rujuk semasa terlibat dalam projek penyusunan KDP. Sejarah penyusunan KDP dan ringkasan maklumat yang terkandung di dalamnya juga diperkenalkan kepada khalayak oleh Ketua Editor KDP yang terkini, iaitu Puan Hajah Salmah Jabbar.



Ahli panel Wacana Perkamusan: *Kamus Dewan Perdana Khazanah Unggul.*



Pakar rujuk KDP dan peserta Wacana Perkamusan: *Kamus Dewan Perdana Khazanah Unggul.*

PERISTILAHAN DAN LEKSIKOLOGI

Penggubalan dan Penyusunan Kamus Istilah

Penggubalan istilah merupakan proses membentuk, mencipta atau menghasilkan istilah dalam sesuatu bidang/subbidang ilmu. Istilah yang dibentuk mestilah jelas, tepat dan dibentuk berdasarkan konsep tertentu.

Pencapaian projek penggubalan dan penyusunan kamus dapat dikategorikan mengikut peringkat seperti yang berikut:



**Kamus Farmasi:
Bioteknologi Farmasi
MABBIM (289 entri)**



**Kamus Penternakan:
Genetik dan Pembiakbakaan
MABBIM (282 entri)**



**Kamus Sains Sukan:
Biomekanik (382 entri)**




**Kamus Perhutanan:
Bioteknologi Tumbuhan
(270 entri)**




**Glosari Perubatan:
Psikiatri (221 entri)**




PRACETAK



PEMURNIAN



DRAF MANUSKRIP



Penyelarasan dan Pemiawaian

DBP sentiasa peka dengan pembentukan istilah semasa. Pembentukan istilah ini dilakukan berdasarkan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu.

Yang berikut merupakan jumlah istilah semasa bagi tahun 2020:



Jawatankuasa Istilah Semasa



320 ISTILAH SEMASA

Kerjasama Peristilahan

DBP meluaskan rangkaian kerjasama dengan pelbagai institusi di dalam dan di luar bagi pembinaan kepakaran dalam bidang peristilahan dan leksikologi. Rakan

kerjasama daripada pelbagai agensi yang terlibat pada tahun 2020, antaranya termasuklah:



Perbincangan projek Daftar Istilah Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa

Di samping itu, dua Ceramah Umum Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2020. Ceramah ini disiarkan secara langsung melalui Facebook Langsung DBP dan

berjaya meraih lebih 31 ribu tontonan. Tajuk ceramah tersebut ialah *Tulisan Jawi: Isu Agama atau Bahasa? Dan Bahasa Melayu sebagai Lambang Identiti Bangsa dan Negara*.

17 Jun 2020,
Facebook Langsung



Prof. Madya Dr. Ramalingam Rajamanickam

Bahasa Melayu sebagai Lambang Identiti Bangsa dan Negara

Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abd Aziz

Tulisan Jawi: Isu Agama atau Bahasa?



3 September 2020,
Facebook Langsung



DBP turut melaksanakan Program Melestarikan Bahasa Sukuan, Bahasa Daerah dan Bahasa Orang Asli pada tahun 2020.

01

TARIKH/TEMPAT

22 - 27 September 2020,
Kampung Sg. Pergam, Kemaman,
Terengganu

02

PENGESAHAN DATA

1685 kata
- Bahasa Semoq Beri

03

PENYERTAAN

- Lima (5) informan
- Lima (5) pengesah bahasa
- Lima (5) kumpulan (10 orang)
penyelidik (DBP dan JAKOA)

04

TEMA PENGUMPULAN DATA

- Makanan Tradisi
- Flora Fauna
- Adat Resam dan Perkahwinan
- Pantang Larang
- Pembuatan dan Kraf Tangan





Sesi bergambar kenangan dengan masyarakat Orang Asli Semoq Beri.



Jawatankuasa Kajian Lapangan Bahasa Orang Asli: Semoq Beri yang terdiri daripada pihak DBP, JAKOA dan MPKKOA (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Orang Asli) berserta responden dan pengesah bahasa.




Bengkel Pengesahan Fonetik bagi data-data yang terkumpul di lapangan.

Teknologi Bahasa

Korpus ialah himpunan teks dalam bentuk tulisan atau lisan yang digunakan dalam penyelidikan linguistik. Tujuan pembinaan korpus adalah untuk menyediakan prasarana penelitian yang objektif dan autentik sifatnya

kepada para penyelidik bahasa Melayu. Pada tahun 2020, jumlah korpus yang terdapat dalam pangkalan data korpus DBP berjumlah 5 628 086 juta kata yang terdiri daripada koleksi penerbitan seperti buku, majalah, kertas kerja, akhbar dan sebagainya.

PANGKALAN DATA KORPUS
5,628,086 kata



PENINGKATAN DATA TEKS:
PENYEMAKAN DAN MUAT NAIK

ENSIKLOPEDIA

Kegiatan pembinaan ensiklopedia diusahakan oleh DBP sebagai satu daripada langkah untuk memperkaya khazanah rujukan pelbagai bidang ilmu dalam bahasa Melayu. Penerbitan ensiklopedia lebih tertumpu pada usaha menggali segala ilmu watan di alam Melayu, khususnya yang bersifat kearifan tempatan dalam bidang sains dan teknologi, sejarah dan warisan tempatan.

Pada tahun 2020, sebanyak 26 projek pembinaan ensiklopedia diusahakan dalam pelbagai peringkat pembinaan seperti peringkat pemerolehan entri, penyuntingan entri, penyediaan entri bersih, penyediaan manuskrip bersih dan pracetak.



Pembinaan Ensiklopedia Pelajar

DBP menangani projek pembinaan ensiklopedia pelajar yang dikenali sebagai Ensiklopedia Umum Pelajar (EUP). Ensiklopedia ini terdiri daripada 4371 entri yang merangkumi pelbagai bidang, antaranya termasuklah sains, sains sosial, sastera, sejarah, budaya, agama, dan bahasa. Pada tahun 2020, sebanyak 1314 entri telah selesai disemak dan dikemas kini.

Pembinaan Ensiklopedia Khusus

DBP turut menangani sebanyak 23 projek ensiklopedia khusus yang meliputi pelbagai bidang ilmu. Pada tahun 2020, dua (2) judul telah diterbitkan, iaitu *Encyclopedia of Malay Language and Linguistics* (EMLL) dan *Ensiklopedia Pari* (EPari), manakala selebihnya pada pelbagai peringkat pembinaan, iaitu tiga (3) pada peringkat pracetak, satu (1) pada peringkat penyediaan manuskrip bersih dan 17 pada peringkat pembinaan.

Encyclopedia of Malay Language and Linguistics (EMLL)
508 entri

Sebuah ensiklopedia dalam yang menerangkan secara komprehensif tentang bahasa Melayu, khususnya sejarah, struktur, perkembangan dan perancangan bahasa Melayu.

Sebuah ensiklopedia yang menerangkan sebanyak 103 spesies ikan pari daripada 633 spesies yang direkodkan di seluruh dunia. Ensiklopedia ini turut dilengkapi dengan ilustrasi bagi setiap spesies yang dibincangkan.

Ensiklopedia Pari (EPari)
103 entri

Pracetak
Ensiklopedia Sains Nuklear (182 entri)
Ensiklopedia Ikan Air Laut (123 entri)
Ensiklopedia Sastera Melayu (166 entri)

Penyediaan Manuskrip Bersih
Ensiklopedia Penyakit Berjangkit (106 entri)

Bagi ensiklopedia yang berada pada peringkat pembinaan adalah seperti yang berikut:

Ensiklopedia Serangga	Ensiklopedia Ikan Air Tawar	Ensiklopedia Amfibia Malaysia
160 entri	110 entri	278 entri
Ensiklopedia Burung Malaysia	Ensiklopedia Endau Rompin	Ensiklopedia Astronomi
283 entri	126 entri	234 entri

Ensiklopedia Teknologi Angkasa	Ensiklopedia Lembah Danum	Ensiklopedia Taman-taman Sabah
211 entri	298 entri	100 entri
Ensiklopedia Langkawi Geopark	Ensiklopedia Maritim dan Sains Samudera	Ensiklopedia Paya Bakau Malaysia
100 entri	225 entri	280 entri
Ensiklopedia Seni Bina Melayu	Ensiklopedia Seni Bina Islam	Ensiklopedia Seni Bina Moden dan Pascamoden
Ensiklopedia Serangga	Ensiklopedia Ikan Air Tawar	Ensiklopedia Amfibia Malaysia
43 entri	197 entri	182 entri

Ensiklopedia Nanoteknologi	Ensiklopedia Bioteknologi
239 entri	168 entri

Pembinaan ensiklopedia khusus telah dilaksanakan dengan kerjasama pakar bidang daripada pelbagai agensi berkaitan melalui beberapa siri bengkel. Bengkel ini bertujuan untuk mengesahkan ketepatan dan kesahihan fakta kesemua entri dan ilustrasi ensiklopedia yang akan diterbitkan.

Antara siri bengkel yang telah diadakan dengan kerjasama pelbagai pakar bidang daripada pelbagai agensi



Bengkel Pemurnian Entri dan Pengesahan Ilustrasi Bersama-sama Pakar Bidang Ensiklopedia Serangga pada 1 hingga 2 September 2020 di DBP.



Bengkel Pengesahan Entri Bersama-sama Pakar Bidang Ensiklopedia Burung pada 3 September 2020 di DBP.



Bengkel Pengesahan Fakta dan Ilustrasi Bersama-sama Pakar Bidang Ensiklopedia Sains Nuklear pada 29 September hingga 1 Oktober 2020 di Agensi Nuklear Malaysia.



Bengkel Pemerksaan Penerbitan Bersama-sama Pakar Bidang Penyakit Berjangkit pada 6 hingga 7 Oktober 2020 di DBP.





Bengkel Pengesahan Entri Bersama-sama Pakar Bidang Ensiklopedia Nanoteknologi pada 23 hingga 24 September 2020 di DBP.


Pembinaan Ensiklopedia Umum

DBP turut menangani sebanyak dua (2) projek ensiklopedia umum yang terdiri daripada Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Edisi Kedua dan satu (1) projek Ensiklopedia Peradaban Melayu. Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Edisi Kedua terdiri daripada empat bidang, iaitu bahasa, sastera, budaya dan sejarah. Pada tahun 2020, sebanyak 1241 entri telah selesai disemak dan dikemas kini.

Selain itu, terdapat projek Ensiklopedia Peradaban Melayu yang berada pada peringkat pemerolehan entri, iaitu Ensiklopedia Budaya dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Ebaik). Pembinaan ensiklopedia ini telah mula dilaksanakan dengan kerjasama pakar bidang daripada pelbagai agensi dan kerajaan negeri.



JABATAN **PENGEMBANGAN BAHASA** **DAN SASTERA**



JABATAN PENGEMBANGAN BAHASA DAN SASTERA

Program Pengembangan Bahasa dan Sastera dirangka bagi membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan, bahasa pendidikan dan bahasa ilmu tinggi. Program ini mencakupi kegiatan pengembangan dan peluasan pengguna bahasa Melayu pada peringkat kebangsaan

dan antarabangsa. Fungsi jabatan ini ialah pelengkap tanggungjawab kepada fungsi Dasar dan Penyelidikan serta fungsi Pembinaan Bahasa dan Sastera, DBP. Mandat yang dipertanggungjawabkan oleh jabatan ini dapat dilihat pada rajah berikut.



Pada peringkat serantau dan antarabangsa, program dilaksanakan berdasarkan kerjasama yang disepakati bersama untuk membina dan mengembangkan bakat karyawan dan seterusnya memartabatkan bahasa

Sementara itu, Wadah Bahasa dan Sastra (WBS) merupakan terbitan berkala yang disiarkan pada setiap hari Rabu dan Khamis dalam akhbar *Utusan Sarawak*. Objektifnya adalah untuk memberikan galakan dan bimbingan kepada penulis muda/baharu dalam bidang penulisan kreatif. Bahan yang diterbitkan terdiri daripada cerpen dan puisi yang asal (tidak diedit) dan akan diulas oleh pembimbing/pengulas yang dilantik. Antara impaknya ialah peningkatan kualiti karya penulis muda sekali gus peningkatan minat golongan muda untuk berkarya.



Ulasan Cerpen



Ulasan Sajak

Sayembara DEKON Piala Ketua Menteri Sarawak 2020

Sayembara DEKON Piala Ketua Menteri Sarawak 2020 telah diadakan pada 23 September 2020 (peringkat saringan) dan 25 September 2020 (peringkat akhir) bertempat di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS). Sayembara DEKON merupakan gabungan deklamasi dan gerak lakon dengan menjadikan puisi sebagai teksnya. Sayembara ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Menteri Belia dan Sukan Sarawak mewakili Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak. Sebanyak 12 pasukan telah berentap pada peringkat saringan dan hanya tiga pasukan sahaja layak ke peringkat akhir.



Persembahan Kumpulan Pernama Sukma.

Sayembara Monodrama 2020 Peringkat Negeri Sarawak

Sayembara Monodrama 2020 telah diadakan pada 21 September 2020 (peringkat saringan) dan 25 September 2020 (peringkat akhir) bertempat di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS). Sayembara Monodrama merupakan sebuah drama pentas yang ditulis khusus untuk dimainkan atau dilakoni oleh seorang pelakon. Pelakon tersebut mungkin memainkan satu watak atau lebih bergantung pada naskahnya. Sayembara ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Menteri Belia dan Sukan Sarawak mewakili Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak. Sebanyak enam pasukan telah berentap pada peringkat saringan dan hanya tiga pasukan sahaja layak ke peringkat akhir.



Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Menteri Belia dan Sukan Sarawak menyampaikan ucapan perasmian mewakili Ketua Menteri Sarawak.



Johan Sayembara: Kumpulan Pernama Sukma dengan tajuk puisinya Wajah Dunia karya Muhammad Khairullah Muhammad Marzidi.



Johan Sayembara Monodrama telah dimenangi oleh Kumpulan Soliloki yang membawakan naskhah berjudul "Talqin".


Anugerah Citra Majalah Sekolah Menengah Negeri Sarawak 2020

Anugerah Citra Majalah Sekolah Menengah Negeri Sarawak 2020 dilaksanakan bermula pada 7 Februari 2020 sehingga 30 Ogos 2020. Peraduan ini bertujuan untuk mencungkil bakat penulisan pelajar sekolah dalam bahasa Sarawak di samping memberikan penghargaan kepada pihak sekolah. Peraduan ini berbentuk penghargaan kepada pihak sekolah yang inginkan majalah sekolah dan karya pelajar-pelajar dinilai dengan majalah dan karya dari sekolah-sekolah lain.

Walaupun terdapat kekangan wabak COVID-19 pada tahun 2020, pihak urus setia telah menerima penyertaan sebanyak 36 buah majalah sekolah meliputi 40 buah sajak, 35 buah cerpen dan 52 buah esei. Pengumuman rasmi keputusan bagi projek Anugerah Citra Majalah Sekolah Menengah Negeri Sarawak 2020 telah disiarkan secara rasmi melalui Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Sarawak dalam Anugerah Tinta Kenyalang 2020 dan Malam Lestari Bahasa 2020 pada 23 Disember 2020 bagi menjaga SOP. Penganjuran projek ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kecemerlangan perkembangan bahasa dan upaya persuratan Sarawak, khususnya di bumi Sarawak ini.



Majalah terbaik



Anugerah Khas Juri

Anugerah Citra Buletin Agensi Kerajaan/Jabatan 2020

Anugerah Citra Buletin Agensi Kerajaan/Jabatan 2020 dilaksanakan bermula pada 7 Februari 2020 sehingga 30 September 2020. Peraduan ini bertujuan untuk menggalakkan, memupuk, dan memperkasa penggunaan bahasa Melayu dengan lebih baik dan

betul melalui penerbitan buletin jabatan. Peraduan ini sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada agensi/jabatan yang menerbitkan buletin jabatan sebagai satu usaha membantu memartabatkan bahasa Melayu.

DBP Cawangan Sarawak telah menerima penyertaan sebanyak 23 naskah buletin jabatan daripada agensi dan jabatan di negeri Sarawak. Pengumuman rasmi keputusan bagi projek Anugerah Citra Buletin Agensi Kerajaan/Jabatan 2020 telah disiarkan secara rasmi melalui Facebook DBP dalam Anugerah Tinta Kenyalang 2020 dan Malam Lestari Bahasa 2020 pada 24 Disember 2020 bagi menjaga SOP kebiasaan baharu.

Pelaksanaan projek ini diharapkan dapat memberi dorongan, galakan dan semangat kepada semua jabatan dalam memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan alat penyaluran maklumat dan wadah bahasa sastera yang berkualiti.

Hadiah Sastera Penulis Sarawak 2019/2020

Hadiah Sastera Penulis Sarawak (HSPS) 2019/2020 dilaksanakan bermula pada awal Januari 2020 dan berakhir pada 11 September 2020. HSPS bertujuan untuk menggalakkan dan menghargai usaha para penulis Sarawak dalam menghasilkan karya kreatif yang bermutu terutamanya dalam genre puisi, cerpen, esei kritikan, skrip drama dan novel. Projek ini merupakan salah satu usaha pihak penganjur dalam mendapatkan bahan penulisan yang bermutu daripada penulis tempatan untuk didokumentasikan dan diterbitkan serta dihantar kepada pihak Urus Setia Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Bahagian Promosi dan Pengiktirafan, DBP Malaysia.

Penganjuran HSPS diharapkan dapat mengangkat martabat kegiatan penulisan sastera tempatan menerusi penglibatan penulis Sarawak yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai pelbagai latar belakang adat dan kebudayaan. Di samping itu, projek ini wajar diteruskan bagi memastikan penulisan sastera kreatif di Sarawak terus berkembang seiring dengan hasil penulisan bermutu dan membina pengkarya Sarawak yang berjaya hingga ke peringkat arus perdana dan dunia.

Seminar Sastera Rakyat dan Bahasa Ibunda 2020

Kajian dan penerbitan tentang bahasa dan sastera peribumi Sarawak harus diperbanyakkan dan dilaksanakan agar khazanah tersebut dapat dipelihara dan didokumenkan dengan lebih terancang dan sistematik. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak telah menganjurkan seminar yang menampilkan beberapa orang tokoh berkaitan bagi perkongsian ilmu tentang sejarah yang penting untuk terus dipelihara dan didokumenkan sebagai rujukan generasi akan datang. Program ini telah diadakan pada 21 Februari 2020 dan dihadiri oleh 200 orang yang terdiri daripada pensyarah, rakan penyelidik dan pelajar-pelajar.

Antara objektif penganjuran seminar ini adalah untuk menghimpunkan para sarjana, pengkaji, karyawan dan ahli bahasa dalam suatu wacana ilmu untuk merangka strategi tentang pelestarian dan pendokumentasian bahasa dan sastera peribumi ini serta menggalakkan pengkajian tentang sastera dan



Pemenang Kategori Emas.

Pemenang Kategori Perak.



Pemenang Kategori Gangsa.

bahasa peribumi Sarawak dalam kalangan masyarakat di Sarawak.



Salah seorang ahli panel – Dr. Zuraini Seruji.



Antara tetamu kenamaan yang hadir bersama-sama Pengarah DBP Cawangan Sarawak.

Pengumpulan Cerita Rakyat Telok Melano

Sarawak umumnya dan Telok Melano serta kawasan persekitarannya khususnya banyak mempunyai nilai sejarah dan kebudayaan yang unik dan harus dilestarikan dan didokumenkan untuk tatapan generasi akan datang. Pendokumentasian bahan-bahan sejarah dan kebudayaan di sini perlu dilaksanakan supaya menjadi contoh kepada negeri-negeri lain di Malaysia dalam usaha mengekalkan khazanah peribumi dan ketamadunan sesuatu bangsa. Pelbagai nilai pandangan, falsafah dan pengetahuan yang berguna yang boleh menjadi panduan dan pegangan tersimpan baik secara tersurat dan tersirat dalam bahan-bahan ini.

Antara objektif projek ini adalah untuk membantu kerajaan negeri Sarawak menambah bahan terbitan yang bermutu dalam bidang sejarah, bahasa, sastera dan budaya Sarawak untuk dijadikan rujukan oleh pelbagai peringkat pembaca dan penyelidik dari

dalam dan luar negeri khususnya aspek kebudayaan dan sejarah. Sebanyak 46 judul cerita telah berjaya dikumpul dan dijangka bahan akan diterbitkan pada tahun 2021.



Pengumpulan cerita rakyat Telok Melano.



Bersama dengan informan penduduk kampung Telok Melano.

Penyelidikan Manuskrip Masjid Al-Qadim Sibu

Sarawak, umumnya dan Sibu memiliki khazanah warisan serta kawasan persekitarannya, khususnya banyak mempunyai nilai sejarah dan kebudayaan yang unik dan harus dilestarikan dan didokumenkan untuk tatapan generasi akan datang.

Antara objektif penyelidikan ini dilaksanakan adalah untuk memastikan bahan-bahan dalam bidang sejarah, bahasa, sastera dan budaya dapat diterbitkan dalam bentuk buku serta disebarluaskan melalui media cetak dan elektronik di Malaysia. Usaha ini juga untuk menjadikan negeri Sarawak sebagai hab penyelidikan bahan-bahan seperti bahasa, sastera dan budaya di Malaysia dan mendapat pengiktirafan daripada UNESCO dalam pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah peribumi.

Kajian lapangan yang pertama telah dijalankan pada 30 September hingga 1 Oktober 2020 dengan melawat tapak kajian, iaitu Masjid Al-Qadim Sibul. Sementara itu, Seminar Kearifan Tempatan: Kajian Masjid Al-Qadim telah diadakan pada 27 Oktober 2020 bagi mendapatkan kertas kerja daripada penyelidik-penyelidik yang pernah menjalankan penyelidikan Masjid Al-Qadim.



Masjid Al-Qadim, Sibul pada peringkat awal



Masjid Al-Qadim selepas kerja-kerja baik pulih dijalankan.

Penyelidikan Darul Hana

Penyelidikan Darul Hana bermula pada 2 Oktober 2020 bagi mendokumentasi perkampungan-perkampungan Melayu yang terdapat di kawasan pesisiran Sungai Sarawak. Kajian ini meliputi kearifan tempatan dan tokoh-tokoh yang terdapat dalam beberapa buah perkampungan Melayu Darul Hana. Penyelidikan ini mendapat dana dari Kerajaan Sarawak dan dijangka akan diterbitkan pada tahun 2021.



Bengkel Darul Hana 6 Februari 2020.



Bersama dengan ketua-ketua masyarakat Darul Hana.



Seminar Kearifan Tempatan 2020 dan Majlis Pelancaran Daftar Kata Bahasa Peribumi Sarawak

Seminar Kearifan Tempatan 2020 dan Majlis Pelancaran Daftar Kata Bahasa Peribumi Sarawak anjuran Dewan bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dengan kerjasama dari Kolej Universiti Teknologi Sarawak (UCTS) telah diadakan pada 27 Oktober 2020 bertempat di Dewan Kuliah C, Kolej Universiti Teknologi Sarawak, Sibu Sarawak. Selain itu, penglibatan dan sokongan daripada pihak seperti Persatuan Melanau Sibu, Persatuan Melanau Dalat, Jawatankuasa Bahasa Tetaw dan Bahasa Kenyah Cebup, kementerian, jabatan dan agensi kerajaan menjadi dorongan untuk DBP Cawangan Sarawak menghasilkan buku ini.

Majlis Pelancaran Daftar Kata Bahasa Peribumi Sarawak telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dr. Annuar bin Haji Rapa'ee, Menteri Muda Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi dan Menteri Muda Perumahan Kesihatan Awam Sarawak. Empat (4) buah buku daftar kata terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang dirasmikan adalah seperti yang berikut:



Seminar Kearifan Tempatan 2020: Pendokumentasian dan Pelestarian Bahasa Peribumi Sarawak.



Simbolik pelancaran empat buah buku daftar kata oleh Yang Berhormat Dr. Annuar Rapa'ee.



Seminar Masjid Al-Qadim.

Pangkalan Data Umum Bahasa Sukuan Sarawak (PDUBSS)

Projek PDUBSS ini merupakan projek tahunan Unit Pembinaan dan Penyelidikan Bahasa serta projek berterusan yang dilaksanakan sejak tahun 2000. Projek ini merupakan projek kesinambungan daripada projek pengumpulan entri bahasa sukuan Sarawak yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1980-an. Format pengumpulan entri ini dilaksanakan berdasarkan format perkamusan, iaitu bahasa sukuan-bahasa Melayu dan bahasa Melayu-bahasa sukuan.

Projek pengumpulan entri ini terbahagi kepada tiga fokus kerja utama, iaitu Projek Pangkalan Data Umum Bahasa Sukuan Sarawak (PDUBSS), Projek Penyerapan Entri Bahasa Sukuan Sarawak ke dalam bahasa Melayu dan Entri yang telah disahkan juga akan dihantar ke Bahagian Sistem Maklumat untuk dimasukkan ke dalam Sistem Bahasa Melayu Bersepadu (SBMB). Entri tersebut akan dapat diakses oleh pengguna dengan melayari laman sesawang www.prpm.dbp.gov.my.

Program ini dilaksanakan sepanjang tahun dengan memfokuskan kepada pelantikan rakan penyelidik, pemantauan rakan penyelidik secara berkala dengan pengagihan beberapa tema yang telah ditetapkan dan pengesahan entri rakan penyelidik. Satu bengkel kerja Pangkalan Data Umum Bahasa Sukuan Sarawak telah diadakan di Hotel Mega, Miri yang menghimpunkan 30 orang tetamu undangan yang mewakili etnik persatuan masing-masing. Keseluruhan entri daripada rakan penyelidik yang telah dikumpul dan disahkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 3050 entri.

Keseluruhan entri daripada rakan penyelidik yang telah dikumpul dan disahkan pada tahun 2020 adalah sebanyak 3050 entri. Hasil daripada pengumpulan entri yang berterusan daripada rakan penyelidik peribumi Sekapan pada tahun ini dan telah mencukupkan jumlah entri bagi pembinaan daftar kata, maka pembinaan manuskrip Daftar Kata Bahasa Sekapan – Bahasa Melayu akan mula dijalankan pada tahun 2021.



Perbincangan antara peserta bengkel diadakan bagi mewujudkan satu ruang diskusi bagi pelestarian bahasa peribumi Sarawak.



Salah seorang daripada para peserta yang hadir membentangkan bahasa etnik Kenyah Sebupe.

Projek Pembinaan Manuskrip Kamus dan Daftar Kata Bahasa Sukuan Sarawak

Projek ini merupakan kesinambungan kepada hasil-hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2000, iaitu daripada projek pengumpulan entri bahasa sukuan Sarawak yang telah terlaksana pada tahun 1980-an. Atas kesinambungan kerja-kerja pengumpulan entri bahasa sukuan Sarawak ini, maka manuskrip mentah Daftar Kata Bahasa Melayu – Daftar Kata Bahasa Sukuan, Daftar Kata Bahasa Sukuan – Bahasa Melayu, Kamus Bahasa Melayu - Bahasa Sukuan dan Kamus Bahasa Sukuan - Bahasa Melayu telah diperolehi. Manuskrip-manuskrip mentah ini perlu disahkan dan dimasukkan simbol fonetik oleh Jawatankuasa Pengesahan yang terdiri daripada penutur natif bahasa tersebut agar manuskrip bersih dapat dibina untuk tujuan penerbitan. Penerbitan kamus dan daftar kata ini merupakan langkah awal Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak untuk memelihara bahasa sukuan di Sarawak agar terus terpelihara dan tidak akan pupus ditelan zaman.

Sidang Jawatankuasa Istilah Negeri dan Bersama

Sarawak mempunyai lebih daripada 37 kumpulan etnik yang terdiri daripada Iban, Cina, Melayu, Bidayuh, Melanau, Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Penan, Kelabit, Kedayan, Bisaya, Berawan, Lahanan, Sekapan, Kejaman, Punan, Baketan, Ukit, Sihan, Tagal, Tabun, Saban, Lisum, Longkiput dan lain-lain. Justeru, Sarawak amat terkenal dengan kepelbagaian dan keunikan budaya tempatannya.

Pelaksanaan projek ini merupakan inisiatif awal DBP Cawangan Sarawak untuk menyebarkan warisan budaya peribumi Sarawak yang terdiri daripada pelbagai kaum melalui pengumpulan istilah budaya tempatan untuk didokumentasikan dan disebarluaskan melalui penerbitan buku dan media elektronik.

Program ini dilakukan melalui dua peringkat, iaitu peringkat yang pertama adalah melalui Sidang Jawatankuasa Istilah Negeri Sarawak dengan penglibatan sebanyak 23 orang peserta daripada 18 etnik persatuan. Berdasarkan sidang ini, setiap wakil etnik telah berkongsi istilah – istilah yang dirasakan unik dan dapat dipinjam terjemah ke dalam bahasa kebangsaan.

Sebanyak 111 istilah telah diperoleh hasil daripada perbincangan dan Sidang Jawatankuasa Istilah Negeri yang telah dijalankan di Miri pada 13 Februari

2020. Sidang Jawatankuasa Bersama yang dijalankan bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah telah dilaksanakan pada 28 September 2020 melalui telesidang (aplikasi Zoom).



Perkongsian daripada ahli sidang mengenai keunikan setiap fasa bulan mengikut kepercayaan etnik Kenyah.



Sebahagian daripada ahli sidang jawatankuasa istilah negeri bersama-sama urus setia.

DBP WILAYAH UTARA

Ceramah Penyegaran Bahasa dan Teknik Penulisan Berkesan

Ceramah Penyegaran Bahasa dan Teknik Penulisan Berkesan telah diadakan pada 28 Februari 2020 di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), Pulau Pinang. Projek ini merupakan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang. Program dijayakan dengan kerjasama Puan Yap Lee Ying, Pengarah Komunikasi dan Setiausaha Akhbar kepada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Perasmian program disempurnakan oleh YB Teh Lai Heng, Setiausaha Politik kepada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Ceramah disampaikan oleh Munsyi Dewan, Encik Mudzaffar Syah bin Haji Mohd. Rajamal.

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan isu terkini bahasa Melayu dan teknik asas penulisan dokumen rasmi yang berkesan. Peserta program terdiri daripada pegawai di pejabat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di seluruh negeri Pulau Pinang. Ceramah ini berjaya menyampaikan ilmu berkaitan cara dan teknik penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul kepada peserta. Para peserta juga dapat mengetahui isu-isu berkaitan bahasa Melayu yang terkini. Hal ini dapat meningkatkan kualiti bahasa Melayu petugas pejabat Ahli Parlimen dan ADUN dalam berkomunikasi untuk penyampaian maklumat dan berita kepada masyarakat pelbagai peringkat.

Syarahan Ilmuwan Bahasa Melayu: Bahasa Melayu Wasilah Pelbagai Ilmu Sains

Program anjuran DBP dengan kerjasama Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ini dilaksanakan pada 14 Disember 2020 melalui platform Google Meet dan disiarkan melalui YouTube serta Facebook UniMAP. Tokoh yang diundang bagi membicarakan tajuk ini ialah YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta bin Shaharom, mantan Pengerusi Lembaga Pengelola DBP dan program dikendalikan oleh Encik Mohamad Zaki bin Abdul Halim dari Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan, UniMAP sebagai moderator.

Program yang bertujuan untuk memberikan maklumat terkini kepada para pelajar universiti, para pensyarah serta masyarakat awam tentang keupayaan bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu, khususnya dalam bidang sains dan teknologi ini mendapat jumlah tontonan (view) ketika program berlangsung sebanyak 1,307 tontonan. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan kesedaran, memperkukuh dan memantapkan kecintaan para pelajar, pensyarah serta masyarakat umum terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa kebangsaan negara.

Bicara Karya Antologi Puisi Sains di Sebalik Helang Besi Max 8

Program ini memperkatakan tentang sains dalam bidang sastera bukanlah sesuatu yang aneh kerana sastera itu bersifat anjal yang mampu merentas pelbagai bidang ilmu. *Bicara Karya Antologi Puisi Sains di Sebalik Helang Besi Max 8* diadakan pada 22 Ogos 2020 di Penang Golf Club, Bukit Jambul, Pulau Pinang. Program ini merupakan anjuran bersama DBP dan Persatuan Karyawan (Karyawan) Pulau Pinang. Ahli panel yang diundang untuk membicarakan antologi ini ialah Dato' Dr. Sohaimi Abdul Aziz dari Karyawan Pulau Pinang dan Dr. Roslan Chin dari Universiti Sains Malaysia (USM). Manakala moderatornya ialah Dato' Ibrahim Mohamad dari Karyawan Pulau Pinang. Program ini dirasmikan oleh Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari, Pengarah Pembangunan Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang.

Bengkel Adaptasi Cerpen kepada Novel

DBP sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang erat dengan persatuan penulis, khususnya daripada aspek bahasa, sastera dan penerbitan. Justeru, pada 22 Februari 2020 telah dilaksanakan Bengkel Adaptasi Cerpen kepada Novel dengan kerjasama Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI) di Anjung ASASI, Anak Bukit, Alor Setar, Kedah. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan ilmu bantu kepada peserta bagi mengembangkan plot cerpen menjadi sebuah novel. Program ini telah dibimbing oleh Tuan Haji Hassan Baseri Budiman dan Encik Saadin Abdullah (Zaidin Abadi).

DBP WILAYAH SELATAN


Kuiz Jawi Digital

Kuiz Jawi Digital dijalankan secara dalam talian pada 22 hingga 27 November 2020. Kuiz ini dilaksanakan dengan menggunakan aplikasi *Quizizz*. Kuiz ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan ejaan Jawi berdasarkan buku *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. Sebanyak 500 orang peserta daripada pelbagai peringkat usia telah menyertai kuiz ini.

Peraduan Raikan Kita

Peraduan Raikan Kita diadakan bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dan memperlihatkan bahawa masyarakat Malaysia dapat hidup secara harmoni walaupun berlainan bangsa dan agama. Dalam peraduan ini, peserta dikehendaki merakamkan gambar yang paling istimewa bersama dengan rakan yang berbeza bangsa berserta kapsyen kreatif dan sebuah cerita kenang-kenangan dengan rakan tersebut. Peraduan secara dalam talian ini diadakan pada 13 Mei hingga 10 Ogos 2020, dan sebanyak 57 penyertaan diterima.

Senarai Pemenang Peraduan Raikan Kita



Senarai pemenang Peraduan Raikan Kita.

Bengkel Tulis, Hantar, Terbit (TULAR)

Bengkel Tulis, Hantar dan Terbit (TULAR) telah diadakan pada 3 Oktober 2020, di SMK Tun Ismail, Batu Pahat, Johor. Para peserta bengkel ini dibimbing oleh penulis mapan tanah air yang juga anak kelahiran negeri Johor, iaitu Cikgu Nizar Parman dan Cikgu Rohaidah Yon. Antara objektif bengkel ini adalah untuk membimbing penulis baharu yang dapat berkarya dengan DBP, membimbing penulis dalam aspek penggunaan bahasa yang baik dan betul dalam karya, dan membimbing penulis untuk menghasilkan karya yang bermutu dan menepati kehendak DBP. Sebanyak 50 orang peserta terlibat dalam bengkel ini. Sebanyak 18 buah cerpen, 20 buah puisi dan 5 buah artikel berjaya dihasilkan.



Bengkel TULAR yang dibimbing oleh Cikgu Nizar Parman.

Pertandingan Lukis dan Tulis

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memartabatkan seni lukis, menggalakkan penciptaan puisi baharu dan menyuburkan rasa kecintaan masyarakat terhadap lakaran alam dan puisi dalam bahasa Melayu sebagai warisan kebangsaan. Peserta dikehendaki menghantar puisi dan lukisan ciptaan sendiri yang dibingkaikan. Tema lukisan dan puisi ialah santuari alam. Pertandingan ini telah diadakan pada 14 hingga 16 Oktober 2020 dan telah menerima sebanyak 42 penyertaan.



Bengkel Tatacara Pertandingan Sahibba "Choopp!" Digital


Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) dan Syarikat Permainan (Malaysia) Sdn. Bhd. telah mengadakan Bengkel Tatacara Pertandingan Sahibba "Choopp!" Digital pada 27 hingga 29 September 2020. Bengkel berkonsepkan jerayawara ini diadakan di tiga buah zon di negeri Johor, iaitu Zon 1 (Johor Bahru, Pasir Gudang, Pontian), Zon 2 (Muar, Tangkak, Segamat, Batu Pahat) dan Zon 3 (Kulai, Kota Tinggi, Kluang, Mersing).

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan peserta berkaitan dengan teknik permainan sahibba digital, menambah baik kaedah permainan, di samping dapat melahirkan peserta yang berkemampuan menjadi jurulatih dan hakim pertandingan. Hal ini demikian kerana Pertandingan Sahibba "Choopp!" Digital merupakan pertandingan yang julung-julung kali akan diadakan sebagai projek rintis di negeri Johor sesuai dengan situasi norma baharu pasca COVID-19. Pertandingan ini ialah kesinambungan daripada pertandingan sedia ada yang dilaksanakan saban tahun secara konvensional sebelum ini. Sebanyak 90 orang peserta dalam kalangan guru yang mewakili setiap daerah di negeri Johor telah dibimbing dengan tatacara dan simulasi permainan sahibba digital ini.





Program Bahasa 2020 Berdasarkan Subfungsi



Bengkel Tatacara Pertandingan Sahibba "Choop!" Digital

DBP WILAYAH TIMUR

Program pengembangan bahasa Melayu dilaksanakan melalui beberapa fungsi utama, iaitu semarak bahasa, wacana ilmiah, pemantauan bahasa, DBP sah bahasa dan penyebaran bahasa.

Karnival Wawasan Bandar Tasek Raja

Karnival Wawasan Bandar Tasek Raja merupakan program di bawah subfungsi Semarak Bahasa. Program yang berkonsepkan aktiviti bahasa secara santai dan didik hibur ini mengetengahkan permainan seperti Dam Bahasa, Roda Bahasa, Bina Kata, Kuiz Bahasa, Teka Kata dan sebagainya. Turut diadakan ialah aktiviti permotoran, pameran agensi kerajaan dan sektor swasta, jualan oleh peniaga, suppa duppa, pertunjukkan bunga api, persembahan artis tempatan popular dan lain-lain. Program ini merupakan program kerjasama antara DBP Wilayah Timur dengan Persatuan Sahabat Pencinta Bahasa, Syarikat UPSD Sdn. Bhd. dan Majlis Daerah Pasir Mas bersempena dengan tahun melawat Kelantan 2020.

Karnival ini mendapat liputan yang meluas khususnya bagi masyarakat tempatan. Pada setiap hari lebih kurang 2000 pengunjung menghadiri karnival ini. Majlis penutupan karnival telah disempurnakan oleh Setiausaha Majlis Daerah Pasir Mas pada 30 Januari 2020.



Poster Karnival Wawasan Bandar Tasek Raja.

Pertandingan Pintar Bahasa Sekolah Sekolah Rendah dan Menengah Negeri Kelantan dan Terengganu 2020

Pertandingan Pintar Bahasa diadakan secara dalam talian yang dimuat naik menerusi Google Form dan disebarikan menerusi aplikasi WhatsApp. Pertandingan ini melibatkan pelajar sekolah rendah (tahun 4,5,6) dan sekolah menengah (tingkatan 1,2,3) di negeri Kelantan dan Terengganu. Soalan Pintar Bahasa dikemukakan dalam bentuk subjektif dan objektif. Soalan merangkumi segmen bina kata, uji kata, dialek, kamus, kayanya peribahasa, pantun, tatabahasa, ejaan, istilah semasa, kenal pasti kesalahan bahasa dan bina slogan. Pertandingan diadakan pada 8 Ogos 2020 secara serentak.

Pertandingan Pintar Bahasa
SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH NEGERI KELANTAN DAN TERENGGANU 2020

Syarat-syarat Penyertaan

- Terbuka kepada pelajar sekolah rendah dan menengah kerajaan, bantuan kerajaan dan swasta di negeri Kelantan dan Terengganu.
- Peserta hendaklah terdiri daripada pelajar tahun 4, 5 dan 6 bagi sekolah rendah dan pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 bagi sekolah menengah.

Tarikh Pertandingan: 8 OGOS 2020
Masa: 10:00 pagi - 12:00 tengah hari

Hadiah Menarik Menanti Anda

KATEGORI SEKOLAH RENDAH X 2 NEGERI	KATEGORI SEKOLAH MENENGAH X 2 NEGERI
Johan: RM250.00	Johan: RM300.00
Naib Johan: RM200.00	Naib Johan: RM250.00
Ketiga: RM150.00	Ketiga: RM200.00
Hadiah Sagu Hati x 7 orang: RM100.00	Hadiah Sagu Hati x 7 orang: RM100.00

Untuk maklumat lanjut: 015-913 6567 (Negeri Kelantan) atau 015-917 0056 (Negeri Terengganu)

Poster Pertandingan Pintar Bahasa 2020.

Pertandingan Pintar Bahasa 2020



TANNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG
Pertandingan Pintar Bahasa
PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2020

SEKOLAH MENENGAH	SEKOLAH RENDAH
Johan: Muhammad Hafiqi bin Muhammad Hilmi (Maktab Sultan Ismail)	Johan: Muhammad Thaqif Waif bin Abdul Malik (SK Sri Ramang)
Naib Johan: Siti Aqilah binti Mohd Jaifar (SMK Teratak Putai)	Naib Johan: Iman Durran binti Ahmad Zaki (SK Datar Abdul Hamid 2)
Tempat Ketiga: Siti Aiyah binti Mohd Jaifar (SMK Teratak Putai)	Tempat Ketiga: Luffy Jarvis (SKC Pagar Chini)
Sagu Hati: Nurin Fatmahan binti Zamana (SMK Machang), Nur Batryya Sofia binti Shamsudin (SMK Datar Ahmad Mahier), NurFatima Husna binti Ismail (SMK Kg. Bembani), Sharah Amalin binti Shauqi (SMK Kameli), Muhammad Khairi bin Mubtahir (SMK Ipoh), Azwar Syuhada binti Ihsan (SMK Puteri), Siti Aiyah binti Che Soh (SMK Kg. Bembani)	Sagu Hati: Nur Anis Inayah binti Hamezah (SK Gering), Qalsara binti Zaharudin (SK Datar Habbema), Wan Anas Fathi bin Wan Mahid Khairi (SK Bandar), Inqayl Darwish bin Asrul Sari (SK Dronan Berag), Fatimah Azeza binti Ahmad (SK Sultan Ismail 2), Muhammad Khairifan Khurullah bin Abdullah (SK Mata Ajer), Izzaty Batryya binti Zulkifli (SK Seri Keroh)

Mohon para pemenang menghubungi urusan setia melalui talian: Puan Nur Bahara Ibrahim (019-913 6567) atau Puan Rosnah Ariffin (019-917 0054)

TANNIAH KEPADA SEMUA PEMENANG
Pertandingan Pintar Bahasa
PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 2020

SEKOLAH MENENGAH	SEKOLAH RENDAH
Johan: Nur Damia Syuhada binti Ismail (SMK Durian Mati)	Johan: Nur Batryya binti Mohd Yazid (SK Maras)
Naib Johan: Ameera Athila binti Mohd Zuhdi (SMK Sultan Ismail 2)	Naib Johan: Aiyah Muryidah binti Mohammad Arif (SK Kuala Berang)
Tempat Ketiga: Ima Danial Hafid bin Mohd Haniffah (SMK Agama Wataniah)	Tempat Ketiga: Muhammad Irfan bin Mohd Norhishyam (SK Kuala Berang)
Sagu Hati: Ikhsan Syahmi bin Ismarhadi (SM Intisya YT Kuala Terengganu), Sofia Adlina binti Nur Azman (SMK Agama Nurul Izzah), Muhammad Amgarr Hakim bin Zulkifli (SMK Bukit Puteri), Nur Aqsha Balqis binti Zamrozah (SMK Sultan Ismail 2), Alia Azzini binti Marzuki (SMK Kompleks Menghambang Telipot), Nur Alia Usairah binti Mat Robi (SMK Tengku Mizan Zainal Abidin), Siti Nur Asyiah binti Azman (SMK Tengku Mizan Zainal Abidin)	Sagu Hati: Nur Zahara Aleeya binti Zulkhairi (SK Kuala Berang), Nur Syamime Dayana binti Osman (SK Maras), Muhammad Agil Zafri bin Asfuzi Shah (SK Tak Jering), Nur Zahara Azeza binti Zulkhairi (SK Kuala Berang), Nur Ilya Qistina binti Norhishyam (SK Kuala Berang), Tengku Amirah Neaulha binti Tengku Azmi (SK Kuala Berang), Nur Qasbi Zulaikha binti Mahdi (SK Sungai Buloh)

Mohon para pemenang menghubungi urusan setia melalui talian: Puan Nur Bahara Ibrahim (019-913 6567) atau Puan Rosnah Ariffin (019-917 0054)

Poster pemenang Pertandingan Pintar Bahasa 2020.

Pertandingan Cakna Bahasa Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Negeri Kelantan dan Terengganu 2020

Pertandingan Cakna Bahasa diadakan secara dalam talian yang dimuat naik menerusi GoogleForm dan disebarikan menerusi aplikasi Telegram peserta. Pertandingan ini melibatkan pelajar institusi pendidikan tinggi swasta negeri Kelantan dan Terengganu. Soalan Cakna Bahasa dikemukakan dalam bentuk subjektif dan objektif yang merangkumi teka silang kata, bina ayat, dialek, pantun, jawi, betulkan kesalahan bahasa dan bina slogan. Pertandingan ini diadakan pada 11 November 2020 secara serentak.

Pertandingan ini telah disertai oleh 168 peserta daripada 13 IPTS di negeri Kelantan dan Terengganu. Pemakluman program ini telah diadakan secara rasmi menerusi surat undangan kepada IPTS dan sebaran menerusi Facebook, Instagram dan Twitter DBP. Pihak

pengurusan IPTS menyambut baik serta menyokong program ini dengan menggalakkan pelajar mereka menyertai pertandingan ini. Malah ada juga para pensyarah dari beberapa IPTS yang telah menjadikan pertandingan ini sebagai memenuhi jam kredit pembelajaran mereka. Purata markah yang dicapai oleh peserta ketika menjawab soalan dalam pertandingan ini adalah antara 45-60 markah. Kebanyakan peserta boleh menjawab dengan mengadakan rujukan yang sesuai mengikut segmen soalan yang ditetapkan. Kaedah secara talian boleh melibatkan penyertaan yang ramai. Melalui pertandingan ini, DBPWT juga dapat meningkatkan jaringan kebahasaan dengan IPTS di negeri Kelantan dan Terengganu. Keputusan pertandingan adalah seperti lampiran pada poster.



Poster pemenang Pertandingan Cakna Bahasa 2020.



Poster program Pertandingan Cakna Bahasa 2020.



Dalam bidang sastera, DBPWT menumpukan kegiatan ke arah mengembangkan sastera kepada masyarakat, melahirkan tunas dalam penulisan serta menggali pemikiran dan meraikan penulis dan khalayak sastera melalui seminar, bicara karya dan majlis apresiasi puisi. Program sastera yang dilaksanakan ini juga bertujuan untuk memartabatkan dan menyemarakkan sastera supaya kegiatan berasaskan persuratan ini sentiasa subur dalam melahirkan penulis yang prihatin dan peka kepada kemaslahatan ummah dan sejagat.

Program Sastera 2020 Berdasarkan Subfungsi



Anugerah Sastera Negeri Kelantan 2019/2020

Anugerah Sastera Negeri Kelantan (ASNK) 2019/2020 merupakan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan bertujuan untuk menzahirkan pengiktirafan kepada penulis-penulis kelahiran atau bermastautin di negeri Kelantan. Anugerah ini bermatlamat menggalakkan penulis-

penulis Kelantan menghasilkan karya yang bermutu secara lebih serius, seterusnya meningkatkan taraf sastra di negeri Kelantan. Anugerah ini merupakan hadiah secara dwitahunan terhadap karya-karya yang diterbitkan pada tahun yang ditetapkan oleh pihak penganjur.

Majlis ASNK yang berlangsung pada 24 Disember 2020 mendapat liputan yang meluas, khususnya bagi penulis dan penggiat sastra di negeri Kelantan. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan. Program ini turut disiarkan secara langsung melalui Kelantan TV, saluran khas Kerajaan Negeri Kelantan.



DBP WILAYAH TENGAH

Aktiviti bagi Tahun 2020



Poster Majlis Penyampaian Anugerah Sastra Negeri Kelantan 2019/2020.



YB Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam bin Ab. Rahman merasmikan Majlis Anugerah Sastra Negeri Kelantan 2019/2020.





Fungsi utama DBPWtgh adalah untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi yang cekap dan berkesan meliputi semua bidang. Program turun padang terutama ke sekolah, instiusi pengajian tinggi dan tempat awam dapat memberikan kesedaran dan memperkukuh keyakinan warga terhadap keupayaan dan potensi bahasa kebangsaan sebagai bahasa komunikasi sosial dan perpaduan, serta bahasa ilmu dan pengucapan budaya tinggi. Program yang disusun sepanjang tahun 2020 bertujuan untuk:


1. Mengembangkan aktiviti kesusteraan kanak-kanak dan remaja, merangkumi pembinaan bakat pembangunan dan penggalakan untuk berkarya – contohnya Pembinaan Bakat Program Tunas Muda, Tunas Remaja dan Sahibba.
2. Memperteguh sikap dan membentuk kefahaman masyarakat terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu serta mempromosikan bahasa dan sastra kebangsaan.

www.dbp.gov.my

3. Memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada individu (pelajar) dan tenaga pengajar yang memberikan sumbangan dalam menghasilkan karya yang bermutu.
4. Mengenal pasti dan membina bakat penulis seperti penghayatan dan seni persembahan menerusi persembahan drama dan teater.
5. Menjalinkan rangkaian kerjasama dengan pelbagai institusi kerajaan dan swasta.



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA




PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berfungsi memberikan perkhidmatan pengurusan sumber manusia yang strategik dan cemerlang yang merangkumi aspek perjawatan dan perkhidmatan sejajar dengan visi dan misi DBP.


PERUNTUKAN PERJAWATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

DBP mempunyai empat jenis peruntukan perjawatan yang merangkumi perjawatan tetap, perjawatan kontrak, iaitu kontrak perkhidmatan (*Contract of Service (COS)*) dan kontrak untuk perkhidmatan (*Contract for Service (COS)*) serta Pekerja Sambilan Harian (PSH). Pembahagian peruntukan perjawatan adalah seperti yang berikut:



Rajah 1 Peruntukan perjawatan bagi tahun 2020.

Perjawatan Tetap



Rajah 2 Statistik perjawatan tetap di DBP bagi tahun 2020.


DBP juga mempunyai 10 klasifikasi perkhidmatan yang terdiri daripada:

- i. Pengurusan Tertinggi (JUSA);
- ii. Pentadbiran dan Sokongan (N);
- iii. Sosial (S);
- iv. Kewangan (W);
- v. Teknologi Maklumat (F);
- vi. Bakat dan Seni (B);
- vii. Kejuruteraan (J);
- viii. Perundangan dan Kehakiman (L);
- ix. Keselamatan dan Pertahanan Awam (K); dan
- x. Kemahiran (H).

Perjawatan Kontrak

Statistik perjawatan kontrak COS dan CFS yang berakhir pada 31 Disember 2020 yang merangkumi peruntukan, pengisian dan kekosongan jawatan adalah seperti yang berikut.

STATISTIK PERJAWATAN KONTRAK



Rajah 3 perjawatan kontrak di DBP bagi tahun 2020.

Perjawatan Pekerja Sambilan Harian

Pada tahun 2020, DBP telah mengambil 38 orang Pekerja Sambilan Harian (PSH) bagi menangani kerja-kerja bersifat projek dan bermusim, antaranya termasuklah membantu urusan pengedaran buku teks skim pinjaman untuk kegunaan tahun 2021.

PENGAMBILAN

Pada tahun 2020, seramai 71 orang staf telah dilantik yang merangkumi 13 orang staf tetap, tiga orang staf kontrak CFS dan 38 orang Pekerja Sambilan Harian. Pengambilan staf tetap terdiri daripada seorang staf daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 12 orang staf daripada kumpulan pelaksana. Pengambilan staf tetap daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional pada tahun ini terpaksa ditangguhkan

kerana peperiksaan praperkhidmatan tidak dapat dilaksanakan akibat penularan wabak Covid-19 serta arahan semasa daripada pihak Kerajaan yang tidak membenarkan aktiviti berhimpun dan merentas daerah serta negeri.


MAKLUMAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Sepanjang tahun 2020, seramai 28 orang staf telah disahkan dalam perkhidmatan masing-masing. Maklumat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dibuat adalah seperti yang berikut.

BIL.	JAWATAN	JUMLAH (ORANG)
1.	Perancang Bahasa Gred S41	13
2.	Juruaudit Gred W41	1
3.	Penolong Perancang Bahasa Gred S29	2
4.	Penolong Pustakawan Gred S29	1
5.	Jurufotografi Gred B19	1
6.	Pembantu Pemuliharaan Gred S19	2
7.	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19	1
8.	Pembantu Operasi Gred N11	4
9.	Pemandu Kenderaan Gred H11	1
10.	Pengawal Keselamatan Gred KP11	2
JUMLAH		28

KEMAJUAN KERJAYA

Pada tahun 2020, sebanyak 118 urusan kemajuan kerjaya staf DBP yang merangkumi urusan pemangkuan, kenaikan pangkat secara *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan dan pengesahan kenaikan pangkat dilaksanakan.




Rajah 4 Kemajuan kerjaya di DBP bagi tahun 2020.

Sebanyak 39 pemangkuan yang terdiri daripada dua pemangkuan jawatan Pengurusan Tertinggi, iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Pengarah Jabatan Penerbitan, 29 pemangkuan jawatan Pengurusan dan Profesional serta lapan (8) pemangkuan jawatan pelaksana.

Sebanyak 75 pengesahan kenaikan pangkat pula terdiri daripada dua jawatan Pengurusan Tertinggi, iaitu Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), 60 jawatan Pengurusan dan Profesional serta 13 jawatan pelaksana.

MAKLUMAT PERSARAAN WAJIB, PILIHAN DAN TERBITAN

Pada tahun 2020, seramai 36 orang staf telah bersara yang terdiri daripada 24 orang staf bersara wajib, lapan (8) orang staf bersara pilihan dan empat (4) orang bersara terbitan. Perinciannya adalah seperti yang berikut.



Rajah 5 Persaraan di DBP pada tahun 2020.

NORMA BAHARU BEKERJA SEPANJANG PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 dilaksanakan oleh kerajaan, DBP telah melaksanakan norma baharu bekerja, antaranya termasuklah:

- i. Bekerja dari Rumah;
- ii. Waktu Bekerja Fleksi;
- iii. Mesyuarat dalam talian;
- iv. Kursus dan bengkel dalam talian; dan
- v. Temu duga dalam talian.

Penggunaan teknologi dimanfaatkan secara optimum dalam pekerjaan agar operasi dan perkhidmatan kepada masyarakat dapat disampaikan secara berkesan. DBP juga telah mengeluarkan beberapa Arahan Pentadbiran kepada warga DBP dan mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan, antaranya termasuklah:

Pematuhan Terhadap Prosedur Operasi Standard (Sop) Semasa Berada Di Pejabat



Kaedah Bekerja dari Rumah (BDR) merupakan norma baharu yang menjadi amalan sebahagian besar organisasi seluruh dunia sepanjang pandemik COVID-19 yang bertujuan untuk membendung penularan COVID-19. Berdasarkan Arahan Pentadbiran dan Dasar Bekerja dari Rumah yang dikeluarkan, pegawai perlu mematuhi peraturan bekerja yang telah ditetapkan, antaranya termasuklah pegawai BDR diarah menghantar lokasi keberadaan melalui aplikasi lokasi langsung (live location) setiap hari selain perlu mendapat arahan terlebih dahulu untuk BDR dengan menyatakan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan dalam tempoh BDR. Hal ini bagi memastikan kerja-kerja yang diberikan dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan tanpa kendala.

ANUGERAH PERKHIDMATAN DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Perkhidmatan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah diwujudkan mulai tahun 1970. Anugerah ini merupakan penghargaan DBP kepada staf yang menunjukkan kesetiaan untuk terus memberikan khidmat bakti dengan prestasi kerja yang baik kepada DBP. Seramai **66 orang staf** telah menerima AP pada tahun 2020 mengikut tempoh perkhidmatan 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun, 35 tahun dan 37 tahun.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pula merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Anggota yang layak dipertimbangkan untuk dipilih dan diberi APC adalah anggota dalam semua kumpulan, gred dan kategori, yang dilantik untuk berkhidmat secara tetap, sementara atau kontrak. Seramai **67 orang staf** DBP yang memenuhi syarat dan menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang bagi tahun 2019 telah diberikan Insentif dan Hadiah APC pada tahun 2020.



MAJLIS BERSAMA JABATAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) DBP mempunyai 37 orang ahli merangkumi lapan (8) orang ahli pada peringkat Pengurusan DBP dan 29 orang ahli wakil pelbagai skim dan gred yang dipilih oleh pihak pekerja.

MBJ diadakan bertujuan untuk memperoleh kerjasama yang menyeluruh antara pihak Pengurusan DBP dengan pegawai-pegawai yang berkhidmat di DBP dalam perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja; menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi; dan mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul pelbagai buah fikiran daripada pegawai-pegawai dengan wakil rasmi DBP.

Sepanjang tahun 2020, empat (4) kali mesyuarat telah diadakan dengan pelbagai isu telah dibincangkan dan diselesaikan oleh ahli mesyuarat.



REKOD PERKHIDMATAN

Audit Pengurusan dan Penyelenggaraan Pengauditan Buku Rekod Perkhidmatan (BRP)/Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan (BPK) telah dilaksanakan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur pada 2 September 2020. Tujuan pengauditan ini diadakan adalah untuk memastikan urusan berkaitan penyelenggaraan dan pengemaskinian BRP/BPK berjalan lancar selaras dengan perkara yang termaktub dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Bilangan 15 Tahun 2008.

Pengauditan ini dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebanyak 24 daripada 766 buah BRP/BPK yang terdapat di DBP telah dipilih secara rawak untuk disemak yang meliputi empat (4) bahagian BRP/BPK dan keputusannya adalah seperti yang berikut:

- i) Lembaran maklumat peribadi - 64%;
- ii) Lembaran kenyataan perkhidmatan - 79%;
- iii) Lembaran cuti - 13%; dan
- iv) Lembaran kelakuan - 60%

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan dan penyelenggaraan BRP/BPK di DBP adalah sebanyak 62 peratus, iaitu berada pada tahap **memuaskan**.



TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI



TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Penyiaran Hebahan Sistem Papan Digital DBP

Pada tahun 2020, DBP memperluas penggunaan sistem Papan Digital (*Digital Signage*) bagi menyiarkan hebahan rasmi aktiviti Dewan Bahasa dan Pustaka(DBP) di premis DBP. Pusat tanggungjawab Sistem Papan Digital diberikan kepada tiga (3) Bahagian. Bahagian Komunikasi dan Korporat diberi tanggungjawab sebagai urus setia terhadap perkara-perkara berkaitan hal penyiaran di Papan Digital DBP. Manakala Bahagian Sistem Maklumat berperanan menguruskan segala hal-hwal teknikal Papan Digital termasuk menyelenggara capaian sistem, rangkaian, penyelesaian masalah sistem, penaiktarafan sistem dan pembaharuan lesen perisian papan digital. Bahagian Pentadbiran Am pula, menyelia dan menyelaraskan pengurusan dan penyelenggaraan fizikal seperti naik taraf fizikal papan digital, penyelenggaraan elektrik, pendingin udara dan urusan fizikal yang berkaitan.

Antara jenis hebahan yang disiarkan termasuk ucapan tahniah, pengumuman, ucapan selamat datang, iklan, promosi, takwim aktiviti dan kursus, jadual penggunaan bilik mesyuarat dan lain-lain yang berunsur maklumat berguna kepada staf dan pelawat.

Penempatan Sistem Papan Digital DBP yang menggunakan pelbagai medium adalah seperti yang berikut:

1. Kios Skrin Sentuh di Anjung DBP, Menara DBP.
2. TV Plasma di laluan lif lobi utama Menara DBP.
3. TV Plasma di lobi Wisma DBP.
4. TV Plasma di Kaunter Pengesahan Bahasa, Menara DBP
5. TV Plasma di Bilik Mesyuarat Aras 29, Menara DBP

DBP juga mempunyai kemudahan papan digital mudah alih untuk kegunaan acara atau majlis DBP yang dilaksanakan di luar premis DBP.



Kios Skrin Sentuh.

Selamat Datang ke
AKADEMI DBP
Pusat Pembangunan
Keilmuan dan Kemahiran

10:24:33 SELAMAT DATANG KE WISMA DBP

Menawarkan Kursus
**SJIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA
TAHAP TIGA (SKM 3)**
PERKHIDMATAN SOKONGAN PENERBITAN (EDITORIAL) press.com.my

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN KINI
DIBUKA

PENGAMBILAN
BAHARU
2021

Terbuka kepada lepasan **SPM**
dengan kelulusan dalam
Bahasa Melayu

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
03-21470210/0212/0224/0221
e-mel: akademi@dbp.gov.my

www/ppkka.dbp.my
www/akademi.dbp.my

10:38:22 SELAMAT DATANG KE WISMA DBP. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNG

**SELAMAT
DATANG
KE KEDAI
BUKU
DBP**

10:31:01 SELAMAT DATANG KE DEWAN BAHASA D

Bersempena dengan
Ulang Tahun DBP
yang ke-64.

PERTANDINGAN
Akulah Penglipur Lara

Anda mengemil individu berusia 55 tahun ke atas yang pandai menurtukan cerita? Ayuh, rikan memko berovrtu dan berpukung memenangi hadiah yang berakut:
Johan - RM2,000.00 dan uji
Nabi Johan - RM1,500.00 dan uji
Ketiga - RM1,000.00 dan uji
Sagu Hati - RM500.00 dan uji (5 pemenang)

Intas kod QR di bawah untuk mendapatkan borang penyertaan dan syarat-syarat pertandingan.

Terikh tutup penyertaan
15 Oktober 2020

10:38:22 SELAMAT DATANG KE WISMA DBP. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNG

Bersempena dengan
Ulang Tahun DBP
yang ke-64.

PERTANDINGAN
Melafazkan Pantun 2020

Intas kod QR untuk mendapatkan borang penyertaan dan syarat-syarat pertandingan.

Terikh tutup penyertaan
15 Oktober 2020

3 Penang Utama
5 bermilai **RM5,500.00** Sagu Hati jadi rebutan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Azmin Daud
03-21479302/9301/9306/9299
azmin@dbp.gov.my

10:38:22 SELAMAT DATANG KE WISMA DBP. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNG

LAYARI LAMAN SESAWANG
www.ruangsewa.dbp.my
**UNTUK TEMPAHAN
RUANG AWAM DBP**



10:31:01 SELAMAT DATANG KE DEWAN BAHASA D

**JADUAL PENGGUNAAN BILIK MESYUARAT TINGKAT 29
TARIKH : 16 FEBRUARI 2021 (SELASA)**

NAMA BILIK	MASA	PENARA
BILIK TUN PERAK	9.00 PG. - 12.00 TGH	Mesyuarat Sebat Harga
← BILIK RAJA ALI HAJI		
← BILIK SYED SHEIKH AL-HADI		
← BILIK MUNYI ABDULLAH		
← BILIK A. KADR ADABI		
BILIK RAHIM KAJAI		→
BILIK AHMAD RASHID TALU		→

10:29:00 SELAMAT DATANG KE DEWAN BAHASA DAN

Contoh hebahan yang disiarkan.



PEMASARAN DAN PENGEDARAN



PEMASARAN DAN PENGEDARAN

Bahagian Pemasaran dan Pengedaran dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti pemasaran dan pengedaran bagi menyebarkan bahan terbitan DBP serta menjana hasil untuk menampung keperluan peruntukan DBP selaras dengan fungsi utama DBP seperti yang diperuntukkan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Akta 213) dan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Perluasan 1995) (Akta A930). Antara skop kerja yang dilaksanakan termasuklah pemasaran dan jualan bahan terbitan DBP, penstoran dan pengedaran serta pengendalian Buku Teks Skim Pinjaman (BTSP) ke sekolah-sekolah di seluruh negara berdasarkan pesanan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

STRATEGI DAN TRANSFORMASI PEMASARAN DAN PENGEDARAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar bagi industri pembukuan berikutan kelembapan ekonomi akibat Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Banyak acara jualan secara bersemuka dihentikan sementara dan dibatalkan, antaranya operasi Kedai Buku DBP, Ujana Buku DBP dan aktiviti pesta buku serta ekspo buku termasuklah Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2020. Hal ini memberikan impak yang besar terutamanya penurunan hasil jualan yang ketara.

Bagi mengatasi permasalahan ini, DBP telah beralih strategi daripada jualan secara konvensional kepada strategi jualan dalam talian. Tumpuan kepada pelaksanaan strategi perkhidmatan pelanggan berkesan melalui penawaran bahan yang berkualiti serta memenuhi keperluan mengikut segmen pasaran, ketepatan terbit dan keberkesanan perkhidmatan pelanggan secara jualan dalam talian menerusi portal DBPNiaga.my.

Usaha promosi dan pemasaran dalam talian dilipatgandakan untuk meningkatkan kesedaran jenama (*branding*), peletakan (*repositioning*) jenama

serta produk DBP dan memastikan keberadaan (*visibility*) produk dalam pasaran secara dalam talian.



AKTIVITI PENGEDARAN

Pada tahun 2020, penghantaran Buku Teks Skim Pinjaman (BTSP) sesi persekolah 2021 masih diteruskan melalui sistem Tender Kontrak Perkhidmatan Pengedaran BTSP Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebanyak 25 buah syarikat penender yang berjaya meneruskan kerja-kerja penghantaran BTSP mengikut daerah yang ditetapkan.

Menerusi sistem tender ini, sebanyak 15 juta naskhah BTSP bernilai RM126 juta telah diedarkan ke lebih 12 ribu buah sekolah di seluruh negara. Jumlah judul yang terlibat ialah 377 judul Buku Cetak Semula (BCS) dan Judul Buku Terbitan Baharu (BTB) seperti yang berikut:

Pesanan Buku Teks Kegunaan Tahun 2021



AKTIVITI PEMASARAN DAN JUALAN

AKTIVITI PROMOSI SECARA DALAM TALIAN

Promosi dan tempahan awal Kamus Dewan Perdana secara dalam talian

Kamus Dewan Perdana telah dipromosikan sempena praterbit melalui media sosial DBP. Kamus yang autentik, komprehensif dan berwibawa ini mempunyai lebih 120 ribu entri dan 7000 maklumat etimologi. Menerusi promosi praterbit melalui pautan <http://shorturl.at/IKQY7> dalam media sosial, *Kamus Dewan Perdana* yang berharga RM200.00 senaskhah telah mendapatkan tempahan awal sebanyak 550 naskhah. Promosi *Kamus Dewan Perdana* diteruskan melalui akhbar *Sinar Harian* pada 17 Oktober 2020 sebaik sahaja diterbitkan.



Promosi secara video penulis dalam Facebook DBPNiaga dan YouTube

DBP telah membuat video penulis sebagai platform bagi penulis mempromosikan karya masing-masing. Hal ini merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan berikutan keterbatasan aktiviti bersemuka antara penulis dengan pembaca. Video berdurasi 60 saat membolehkan penulis atau pengulas mengupas isi penting dalam karya masing-masing bagi tujuan promosi kepada pembaca. Sebanyak 40 video penulis telah dibuat dan dipaparkan dalam Facebook DBPNiaga sepanjang tahun 2020. Selain itu, terdapat satu judul buku kanak-kanak yang dipromosikan secara video dalam YouTube, iaitu buku *Kacip, Geraham dan Taring*.

Senarai video penulis yang dihasilkan sepanjang tahun 2020.

Bil.	Tarikh	Judul Buku	Penulis/Pengulas
1.	12/5/2020	<i>Korban Kasih</i>	Puan Fatimah Saidin
2.	15/5/2020	<i>Seri Rama dan Sita Dewi</i>	Puan Sujata Wee
3.	18/5/2020	<i>Kumpulan Puisi: Musim Beralih</i>	Encik Norhisham Mustafa
4.	19/5/2020	<i>Novel Kanak-Kanak: Addison Aku Tetap Juara!</i>	Puan Chua Pei Yong
5.	20/5/2020	<i>Tina Dengan Ratu Semut</i>	Puan Normie Akhtar Sari
6.	27/5/2020	<i>Kumpulan Cerpen Kanak-Kanak: Anak-Anak Wawasan</i>	YBhg. Dr. Muhammad Irfan Nyia Abdullah
7.	28/5/2020	<i>Petua Pintar Karangan Cemerlang</i>	Encik Zulkifli Mohd Top
8.	29/5/2020	<i>Kumpulan Cerpen: Dan Coklat Mengalir Dari Ruang Buncah</i>	YBhg. Prof. Madya Dr. Mawar Shafie
9.	1/6/2020	<i>Keunikan dan Keindahan Bahasa al-Quran</i>	Dr. Mohamad Zain bin Mahmood

Bil.	Tarikh	Judul Buku	Penulis/Pengulas
10.	3/6/2020	<i>Sayangku Apai?</i>	Hasniah binti Hussain (Mamatok)
11.	4/6/2020	<i>Kenal Seni Bina Bersejarah Dunia</i>	Dr. Nik Lukman bin Nik Ibrahim
12.	5/6/2020	<i>Novel Igaukan Igau</i>	Abang Median bin Abang Said
13.	9/6/2020	<i>Kumpulan Puisi: Membentuk Elok di Teluk Esok</i>	Zainal Abidin Suhaili (Abizai)
14.	10/6/2020	<i>Revolusi Bahasa dan Asas Tamadun</i>	Prof. Dr. Solehah binti Yaacob
15.	12/6/2020	<i>Suha Dwi Changi</i>	Lailah Elok
16.	15/6/2020	<i>Memahami Komunikasi Orang Pekak</i>	Dr. Abdullah bin Yusof
17.	16/6/2020	<i>Menulis Mengatur Diri Berfikir</i>	Nisah Haji Haron
18.	17/6/2020	<i>Kumpulan Puisi: Cerita Hati kepada Alam</i>	Hipani Alwi
19.	18/6/2020	<i>Kumpulan Cerpen: Debar di Pelantar</i>	Norkaidawati binti Abdul Majid
20.	19/6/2020	<i>Kumpulan Puisi Carilah Cari</i>	Abdul Hadi bin Yusoff
21.	23/6/2020	<i>Meneroka Khasiat Tempe</i>	Dr. Hasnah binti Haron
22.	24/6/2020	<i>Jenayah Rasuah di Malaysia: Penyakit Sosial Merentas Zaman</i>	Mohamad Fauzi bin Husin
23.	25/6/2020	<i>Penantian di Hujung Senja</i>	Eh Deng Eh Chik
24.	26/6/2020	<i>Undang-Undang Berkaitan dengan Kelakuan dan Tatatertib Pejawat Awam</i>	Prof. Madya Dr. Abdul Aziz Husin
25.	2/7/2020	<i>Siri Pembelajaran Islam Amali</i>	Yazid bin Haji Maarof
26.	7/7/2020	<i>Kepada Adinda Yang Jauh Di Mata</i>	Mahizan binti Husain
27.	8/7/2020	<i>Kumpulan Drama: Pahlawan Daerah Rodat</i>	Wan Ahmad bin Wan Ismail
28.	9/7/2020	<i>Kumpulan Drama: Budak Joget</i>	Wan Ahmad bin Wan Ismail
29.	10/7/2020	<i>Kumpulan Puisi: Kita Hilang Segalanya</i>	Wan Ahmad bin Wan Ismail
30.	24/7/2020	<i>Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka</i>	Wan Abdul Halim bin Wan Harun
31.	18/11/2020	<i>Edisi Malaysia Membaca: Juara</i>	Abdul Razak
32.	13/11/2020	<i>Cerita Lipur Lara Awang Sulung Si Jambul Lebat</i>	Nurul Hidayah Yusof
33.	12/11/2020	<i>13 Mei 1969 Di Kuala Lumpur</i>	Che Jamilah Abdul Rahman
34.	05/11/2020	<i>Sulalatus Salatin Sejarah Melayu: Edisi Pelajar</i>	Roziana Mat Rawi
35.	05/10/2020	<i>Kumpulan Puisi: Isyarat Dalam Puisi</i>	Marzuki Ali
36.	23/10/2020	<i>Saya dari Tanjung Penaga</i>	Marzuki Ali
37.	30/11/2020	<i>Dongeng Patalawati</i>	Marzuki Ali
38.	08/12/2020	<i>Hujan Dinihari</i>	Puan Arina Abdul Rahman
39.	16/12/2020	<i>Minda Dunia Melayu</i>	Dato' A. Aziz Deraman
40.	22/12/2020	<i>Kerelatifan Budaya: Catatan Pengalaman</i>	Dato' A. Aziz Deraman



Facebook Langsung (FB Live)


Facebook Langsung (FB Live) telah dibuat menerusi platform Facebook DBPniaga.my secara berkala. Promosi dan jualan secara FB Live kini merupakan suatu trend yang digemari oleh para warga maya. Petugas pemasaran akan melaksanakan jualan bersasar terhadap produk yang berkaitan mengikut acara tertentu atau tarikh tertentu yang melibatkan keriaan orang ramai, mempromosikan buku terbitan terbaharu, memperkenalkan judul terlaris kepada pembaca, menjawab pertanyaan pembaca secara langsung dan melaksanakan kuiz secara spontan.



Peraduan secara dalam talian

Sebagai daya penarik bagi mewujudkan pengikut setia atau khalayak yang mengikut media sosial DBP, beberapa peraduan dalam talian telah dirangka dan dilaksanakan. Antaranya termasuklah peraduan Peraduan Korban Kasih Siri 1 dan 2, Peraduan Ucapan Kreatif dan Peraduan Kutunggu Komentarmu di Facebook DBPniaga. Tujuan peraduan ini diadakan adalah untuk menarik minat warga maya untuk suka (like) akan Facebook DBPniaga dan menarik minat pembaca mengulas buku kegemaran mereka.





Program Majalah dalam Kelas (MDK) secara dalam talian

Pada tahun 2020, MDK telah dilaksanakan secara dalam talian dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Wilayah Persekutuan pada 12 September 2020 dan secara rakaman video sebagai alternatif bagi penganjuran bersemuka dan disiarkan secara bersiri. MDK memberikan pendedahan berkenaan penggunaan majalah Dewan Pelajar dan Dewan Siswa sebagai bahan pembelajaran dan rujukan kepada para pelajar. Para peserta terdiri daripada guru-guru bahasa Melayu. Pembicara MDK ialah Encik Azhar Salleh, Munsyi Dewan bagi program di JPN Wilayah Persekutuan dan Encik Nik Ahmarizam Nik Ahmad, Munsyi Dewan bagi JPN Kelantan.



Promosi mengikut perayaan atau tema secara dalam talian

Pelbagai promosi di media sosial seperti Facebook dan portal DBPNiaga.my telah dilaksanakan bagi menarik minat pelanggan. Bahan-bahan terbitan sama ada buku atau majalah telah dipromosikan, dipakejkan secara kombo dan ditawarkan dengan diskaun istimewa berdasarkan perayaan atau tema-tema tertentu. Antara promosi yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:



Pameran dan Jualan pada Peringkat Domestik dan Antarabangsa

Pada tahun 2020, sebanyak 34 aktiviti pameran dan jualan pada peringkat domestik telah berjaya disertai dan dilaksanakan oleh DBP. Selain itu, DBP turut menyertai satu aktiviti pada peringkat antarabangrabangsa, iaitu Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2020 x Shopee secara dalam talian.



Promosi di Radio dan Televisyen

Sepanjang tahun 2020, beberapa slot promosi di radio dan televisyen telah dilaksanakan bagi mempromosi buku, majalah dan aktiviti yang melibatkan pameran dan jualan. Yang berikut ialah slot promosi di radio dan televisyen yang telah dilaksanakan pada tahun 2020.








PENCAPAIAN TAHUN 2020

Jualan Pasaran Terbuka

Jualan pasaran terbuka bahan terbitan DBP bagi Buku Teks Pasaran Terbuka (BTPT), Judul Am dan Majalah bagi tahun 2020 (1 Januari hingga 31 Disember 2020) ialah sebanyak RM12.56 juta nilai jualan bersih. Pencapaian semasa berbanding sasaran jualan yang telah ditetapkan, iaitu RM28 juta adalah sebanyak 60.91 peratus. Perincian segmen pasaran jualan adalah seperti rajah berikut.

Jualan Mengikut Segment Pasaran





AKADEMI DBP



AKADEMI DBP

Akademi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan bagi merangka strategi dan melaksanakan program pendidikan sepanjang hayat, khususnya dalam pengajaran bahasa Melayu, sastera dan penerbitan. Akademi DBP mula beroperasi pada 4 November 2011 selaras dengan dasar kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu dengan betul dalam kalangan masyarakat. Akademi DBP menyediakan program latihan dan penataran dalam bidang bahasa, sastera, penerbitan melalui tiga kategori kursus utama, iaitu Kursus Individu, Kursus Berpakej, dan Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing.

Pembangunan sumber manusia di DBP dilaksanakan oleh Akademi DBP secara terancang supaya memenuhi keperluan mengikut peringkat kerjaya dan kompleksiti kerja staf. Setelah hampir sedekad penubuhannya, Akademi DBP terus mengorak langkah berkembang maju seiring dengan pencapaian dan komitmen semasa apabila Pusat Pembangunan

Keilmuan dan Kemahiran Akademi DBP (PPKKADBP) memulakan operasi di Wisma DBP dengan menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 Bidang Editorial mulai September 2019. PPKKADBP terus kekal sebagai satu-satunya pusat bertauliah di Malaysia yang menawarkan program kemahiran dalam bidang editorial. Persijilan Kemahiran Malaysia menyediakan suatu laluan kerjaya dan pembangunan diri setanding dengan laluan kerjaya berasaskan kelayakan akademik.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Kursus/latihan untuk pembangunan kerjaya staf meliputi Kursus Jangka Pendek dan Kursus Jangka Panjang. Kursus Jangka Pendek meliputi Kursus Dalam Jabatan dan Kursus Luar Jabatan. Kalendar Kursus Akademi DBP bagi Tahun 2020 adalah seperti yang berikut.


KALENDAR KURSUS 2020


KURSUS	HARI	SASARAN	ST 1	ST 2	ST 3	ST 4	PENYELARAS
PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN							
1. Induksi Khusus	5	Staf Baharu	3-7 Feb.		24-28 Ogos		RY
2. Program Transformasi Minda	7	Staf Baharu	16-22 Mac				RY
3. Penyediaan Berkeson	2	Gred KP 14 dan Gred 22-Gred 41	25-26 Feb.				NAR
4. Kepemimpinan Berimpak Tinggi	3	Gred 44 ke atas	10-12 Mac				NAR
5. Pengurusan Kewangan	2	Staf DBP		13-14 Apr.		12-13 Okt.	RY
6. MBS: Ke Arah Belanjawan yang Mantap	1	Pentadbir dan Pegawai Penyelaras Belanjawan	10 Feb.				RY
7. E-perolehan	2	Pentadbir Bahagian	17-18 Feb.				RY
8. Pengurusan Program	2	Gred 29 ke atas	24-25 Feb.				RY
9. Tadbir Urus Keselamatan	2	Pegawai dan Pengawal Keselamatan			21-22 Sept.	27-28 Okt.	RY
10. Pengurusan Riziko	2	Gred 41 ke atas			6-7 Jul.		RY
11. Pengurusan Fail dan Rekod	2	Staf DBP		6-7 Apr.		9-10 Nov.	RY
12. Pengurusan Aset dan Stor	2	Pentadbir Bahagian/ Staf Bahagian Pemasaran dan Pengedaran		15-16 Jun		19-20 Okt.	RY
13. Pemantapan Budaya Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	1	Staf DBP		1 Apr.			NAR
14. Audit Dalam EkSA	1	Jurusaudit Dalam EkSA		2 Apr.			NAR

15.	Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	1	Penyelaras Kualiti	18 Feb.				NAR
16.	Audit Dalam MS ISO 9001:2015	2	Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2015	19-20 Feb.				NAR
17.	Pemantapan Budaya Inovasi dan Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK)	2	Ahli KIK	24-25 Mac				NAR
18.	Bicara Intellektual	1	Staf DBP	9 Mac	13 Mei	28 Sept.	16 Nov.	FI
19.	Kejurulatihan	3	Staf DBP		8-9 Jun			RY
20.	Prapersediaan (Kursus diadakan 2 tahun sekali)	1	Bakal Pesara (2021 -2025)				8 Okt.	SRMR
21.	Asas Keusahawanan (Syarat Wajib ke Kursus Peralihan Persaraan)	2	Bakal Pesara (2021 -2025)	19-20 Feb.		26-27 Ogos		SRMR
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI								
1.	Analisis Data dan Visual Menggunakan Excel	2	Staf DBP	11-12 Feb.				NAR
2.	Persembahan Slaid Berimpak Tinggi	2	Staf DBP		27-29 Apr.			NAR
3.	Adobe Illustrator	2	Staf DBP/Terbuka	10-11 Mac				RBY
4.	Adobe Photoshop	2	Staf DBP/Terbuka			11-12 Ogos		RBY
5.	In-Design	2	Staf DBP/Terbuka				10-11 Nov.	RBY
6.	Seni Fotografi dan Videografi	2	Staf DBP/Terbuka			20-21 Jul.		RY
7.	Penggunaan Data dan Laporan Menggunakan SPSS	2	Staf DBP/Terbuka		14-15 Apr.			ASAA
8.	Pembangunan dan Reka Bentuk Aplikasi Mudah Alih	2	Staf DBP/Terbuka		23-24 Jun			ASAA

Kalendar Kursus Akademi DBP bagi Tahun 2020.

Kursus Jangka Pendek Dalam Jabatan dan Luar Jabatan

Sepanjang tahun 2020, Akademi DBP menganjurkan 30 Kursus Jangka Pendek Dalam Jabatan melibatkan 800 orang staf. Seramai 360 orang staf mengikuti 11 Kursus Jangka Pendek dalam bidang pentadbiran dan pengurusan, 275 orang staf mengikuti sembilan kursus bidang bahasa dan 110 orang staf terlibat dalam tiga bidang kursus berlainan, iaitu dua kursus bidang penerbitan, dua kursus bidang sastera dan dua kursus bidang umum.



Rajah 1 Kursus Jangka Pendek mengikut bidang.



Kursus Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015



Kursus Transformasi Minda.



Kursus Pengurusan Data dan Laporan Menggunakan SPSS.



Kursus Vocational Training Operation (VTO).



Kursus Penyuntingan Karya Kreatif.

Dalam pada itu, Akademi DBP juga telah menguruskan penyertaan 36 orang staf DBP di ibu pejabat, cawangan dan wilayah bagi menyertai Kursus Jangka Pendek Luar Jabatan yang dianjurkan oleh agensi luar termasuklah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Akademi DBP juga bertanggungjawab menguruskan Kursus Peralihan Persaraan bagi bakal pesara DBP. Pada tahun 2020, 19 staf telah menyertai Kursus Peralihan Persaraan dalam bidang produk bakeri, pertanian dan pembuatan jus.



Kursus Peralihan Persaraan (Produk Bakeri).

Pada tahun 2020, Akademi DBP telah bekerjasama dengan Institut Koperasi Malaysia (IKM) menganjurkan Kursus Asas Keusahawanan (KAK). Sasaran peserta KAK pada tahun 2020 ialah staf yang akan bersara dalam tempoh lima tahun mulai tahun 2021.



Kursus Asas Keusahawanan.




Kursus Asas Keusahawanan yang disertai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) dan Ketua Akademi DBP.



Kursus Asas Keusahawanan yang diadakan di Wisma DBP, dibimbing oleh Pegawai Latihan dari Institut Koperasi Malaysia.

Kursus Individu

Kursus Individu ditawarkan kepada orang awam dengan kadar yuran yang kompetitif, iaitu sebanyak RM300.00 termasuk sijil, makan dan minum sepanjang dua hari kursus secara bersemuka. Perinciannya diberikan pada rajah berikut.



Kursus Jangka Panjang

Kursus Jangka Panjang yang diuruskan oleh Akademi DBP pula meliputi program pengajian peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran Falsafah yang ditawarkan melalui Skim Hadiah Latihan DBP dan Bantuan Kewangan DBP. Pada tahun 2020, seorang staf sedang mengikuti program pengajian peringkat Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) dan dua orang sedang mengikuti program pengajian peringkat Ijazah Sarjana. Bagi Bantuan Kewangan pula, seorang staf sedang mengikuti program pengajian peringkat Ijazah Sarjana.

KURSUS BERBAYAR

Selain membangunkan sumber manusia ke arah modal insan yang berketerampilan, Akademi DBP giat memperluas fungsi utama DBP sebagai organisasi tunggal yang berautoriti dalam persuratan Melayu dan bahasa di negara melalui penganjuran kursus berbayar dan penyediaan khidmat penceramah. Kursus Berbayar yang ditawarkan oleh Akademi DBP adalah seperti yang berikut.

Kursus Individu
Bidang Bahasa, Bidang Sastra dan Bidang Penerbitan


Penyediaan Khidmat Kepakaran Sebagai Penceramah
Akademi DBP telah mengenakan caj perkhidmatan yang disediakan khidmat penceramah sebanyak 30% kepada pelanggan

Kursus Berpakej
Kursus Berpakej diadakan di luar premis DBP berdasarkan permintaan daripada jabatan/agensi luar (kerajaan atau swasta). Kursus Berpakej meliputi bidang bahasa, sastra dan penerbitan.

Kursus Secara Dalam Talian
Akademi DBP telah mengorganisasi sebanyak 11 kursus secara dalam talian menggunakan platform Zoom dan Google Meet sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kadar bayaran yang ditetapkan adalah sebanyak RM50.00.

Kursus Bahasa Melayu (Penutur Asing)
Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing ditawarkan mengikut tahap pembelajaran iaitu asas, pertengahan dan lanjutan.

Kursus Berbayar yang dianjurkan oleh Akademi DBP.



Rajah 2 Jumlah Pendapatan Kursus Individu Mengikut Bulan.

Selain menjana pendapatan kepada DBP, Kursus Individu turut ditawarkan kepada staf. Seramai 38 orang staf telah menyertai Kursus Individu secara dalam talian pada tahun 2020. Kadar bayaran yang ditetapkan ialah RM200.00 bagi dua hari kursus (empat sesi kursus).



Kursus Individu (Kursus Penulisan Buku Teks) yang diadakan di Wisma DBP pada Julai 2020, disertai oleh seramai 50 orang peserta.



Kursus Individu (Kursus Penjurian dan Teknik Permainan Sahibba) pertama kali dianjurkan oleh Akademi DBP pada tahun 2020.



Kursus Individu (Kursus Adobe Photoshop) yang diadakan di Bilik Multimedia, Menara DBP.



Pembimbing Kursus Penjurian dan Teknik Permainan Sahibba ialah Juri Pertandingan Sahibba Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan.




Kursus Individu (Kursus Penulisan Lirik Lagu) yang dibimbing oleh Juruhebah terkenal, Tuan Hj Chuari Selamat.



Kursus Individu (Kursus Penjurian dan Teknik Permainan Sahibba) yang julung kali dianjurkan oleh Akademi DBP.

Kursus Berpakej

Kursus Berpakej dianjurkan oleh Akademi DBP berdasarkan permintaan daripada jabatan/agensi luar (kerajaan, swasta atau badan bukan kerajaan). Kursus Berpakej yang dianjurkan secara bersemuka diadakan di premis atau tempat yang ditentukan oleh jabatan/agensi luar. Pengisian kursus pula adalah berdasarkan modul sedia ada yang dibangunkan oleh Akademi DBP ataupun berdasarkan permintaan/keperluan pelanggan tersebut. Akademi DBP sentiasa bersedia menyediakan modul pengajaran khas bergantung pada permintaan.



Rajah 3 Penganjuran Kursus Berpakej dan Jumlah Pendapatan.



Ringkasan Pendapatan dan Perbelanjaan Kursus Berpakej.



Kursus Berpakej yang diadakan di Panorama Langkawi Sdn. Bhd.




Penceramah Kursus Berpakej di Panorama Langkawi Sdn. Bhd., Puan Fauziah binti Hassan, Munsyi Dewan (Bahasa) yang juga Perancang Bahasa di Akademi DBP.



Kursus Berpakej yang dikendalikan di Sabah Electrical City Sdn.Bhd.

Penyediaan Khidmat Penceramah

Mulai Ogos 2019, Akademi DBP telah mengenakan caj perkhidmatan bagi penyediaan khidmat penceramah. Caj sebanyak 30 peratus dikenakan kepada pelanggan. Pada tahun 2020, sebanyak dua agensi telah menggunakan Khidmat Penceramah yang diuruskan oleh Akademi DBP, iaitu Jabatan Pengairan Saliran Negeri Selangor dan Agensi Pengangkutan Awam Darat. Jumlah pendapatan yang diperoleh adalah sebanyak RM936.00. Perinciannya adalah seperti yang berikut.




Rajah 4 Jumlah pendapatan hasil penyediaan khidmat penceramah kepada pelanggan.

Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing dianjurkan oleh Akademi DBP pada tahun 2020 melibatkan 16 orang peserta dari 10 buah negara. Sebanyak 28 kursus telah diadakan secara bersemuka di Wisma DBP dan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Zoom Cloud Meeting. Jumlah pendapatan yang diperoleh adalah sebanyak RM17 250.00.

Empat orang peserta kursus adalah hasil kerjasama Akademi DBP dengan The Language House (TLH). Berdasarkan memorandum persefahaman yang dipersetujui dan dimeterai pada Januari 2019, DBP berperanan menyediakan tenaga pengajar, manakala pihak TLH perlu menyediakan peserta, ruang dan tempat kursus. Jadual berikut memperlihatkan maklumat negara dan tahap pengajian peserta kursus.

Tahap pengajian kursus ini terbahagi kepada peringkat asas, peringkat pertengahan dan peringkat lanjutan. Sebelum memulakan kursus, peserta mestilah menduduki ujian pengesanan tahap penguasaan bahasa Melayu. Bagimelempi satu-satu tahap pengajian, peserta akan diuji melalui ujian bertulis, bertutur, mendengar dan membaca. Rajah berikut memperlihatkan pecahan peratusan jumlah peserta mengikut negara asal.



Rajah 5 Peratusan peserta Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing mengikut negara.

Koleksi gambar sekitar Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing



Kursus Secara dalam Talian

Akademi DBP telah menganjurkan 17 kursus secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Zoom Cloud Meeting dan Google Meet sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kadar bayaran yang ditetapkan bagi kursus dalam talian adalah sebanyak RM50.00 untuk satu sesi yang berlangsung selama dua jam. Kadar yuran ini terpakai bagi Kursus Individu yang dianjurkan oleh Akademi DBP. Bagi Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing masih tertakluk pada jumlah jam yang ditawarkan. Begitu juga dengan PPKADBP. Pada tahun 2020, seramai 338 peserta menyertai kursus secara dalam talian (57 orang awam, 281 staf). Perinciannya adalah seperti yang berikut.

Perincian kursus secara dalam talian bagi tahun 2020.


BIL.	KURSUS	TARIKH	JUMLAH PESERTA (ORANG)		PENGAJAR
			LUAR	STAF	
1.	Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM 3) Bidang Editorial	22 Mei – 12 Jun 2020	4	–	Staf Akademi DBP
2.	Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing Tahap Pertengahan – Tamer Fayek Mohamaed Sedky (Mesir)	3 Mac 2020	1	–	Staf Akademi DBP
4.	Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing Tahap Pertengahan – Yuichi Faris (Jepun)	3 Mac 2020	1	–	Staf Akademi DBP
6.	Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing Tahap Asas – Duha Samer Fariq Allawi (Jordan)	10 Mac 2020	1	–	Staf Akademi DBP
7.	Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing Tahap Asas (Ruua Samer Fariq Allawi - Jordan)	10 Mac 2020	1	–	Staf Akademi DBP
8.	Kursus Juruaudit Bahasa Dalam Talian (KPM)	9 – 10 November 2020	19	–	Munsi Dewan

BIL.	KURSUS	TARIKH	JUMLAH PESERTA (ORANG)		PENGAJAR
			LUAR	STAF	
9.	Bengkel Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi)	14 – 17 November 2020	28	1	Pakar Bidang
10.	Kursus Pemantapan Linguistik (Pragmatik dan Semantik)	3 November 2020	–	30	Pakar Bidang
11.	Kursus Vocational Training Operation (VTO)	7 Nov. – Mac 2021	–	13	Perunding
12.	Kursus Pengurusan Aset dan Stor DBP	9 November 2020	–	35	Staf DBP
13.	Kursus Pengurusan Kewangan	12– 13 November 2020	–	30	Staf DBP
14.	Kursus Pemantapan Kompetensi	16 – 27 November 2020	–	30	Staf DBP
15.	Kursus Penulisan Dokumen Rasmi (Minit Mesyuarat)	16 – 17 November 2020	–	35	Mantan Staf
16.	Wacana Bahasa dan Penyuntingan	19 November 2020	–	76	PLP DBP
17.	Kursus Pemantapan Linguistik (Morfologi)	30 November 2020	–	31	Pakar Bidang
JUMLAH			57	281	

Bengkel Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi) secara dalam talian yang diadakan pada 14 hingga 17 November 2020.

PUSAT PEMBANGUNAN KELIMUAN DAN KEMAHIRAN AKADEMI DBP (PPKADBP)

Pusat Pembangunan Keilmuan Dan Kemahiran Akademi Dbp



Bengkel Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi) secara dalam talian yang diadakan pada 14 hingga 17 November 2020.



Pada tahun 2020, PPKADBP telah berjaya melahirkan empat orang pelajar bagi Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (skm) Tahap 3 Bidang Editorial



Promosi pengambilan pelajar Sijil Kemahiran Malaysia di PPKADBP.





Empat orang pelajar PPKADBP yang berjaya menamatkan pengajian.



Pensyarah PPKADBP bagi sesi pengambilan 2019/2020.





KALENDAR AKTIVITI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2020





1. Majlis Baca Puisi Malaysia dan Indonesia.
 - YB Datuk Haji Syed Abas Syed Ali (Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah).
 - 4 Januari 2020
 - Dewan Besar Amil Jaya, Dewan Bahasa dan Pustaka (Sabah)



2. Kunjungan hormat Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
 -YB Dato' Abdul Razak bin Jaafar (Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang).
 -14 Januari 2020
 -Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, KOMTAR

3. Majlis Malam Deklamasi Puisi dan Pelancaran Buku Putrajaya Karya Pascamerdeka

- KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti AIMarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj
 - 18 Januari 2020
 - Dewan Cempaka Sari, Perbadanan, Putrajaya



5. Santun 79 Kemala
 -YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shahaarom. (Pengerusi Lembaga Pengelola DBP)
 - 30 Januari 2020
 - Sanggar Tun Sri Lanang, DBP



4. Amanat Tahun Baharu DBP 2020
 -YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shahaarom (Pengerusi Lembaga Pengelola DBP)
 -YBhg. Datuk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokeran(Ketua Pengarah DBP)
 - 21 Januari 2020
 - Balai Budaya Tun Syed Nasir, DBP



6. Sembang Santai Bersama-sama NGO dan Golongan Muda Kelantan
 -YBhg. Datuk Haji Abg Sallehuddin Abg Shokeran. (Ketua Pengarah DBP).
 - 3 Februari 2020
 - Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu, Kelantan



7. Majlis Pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan
 - YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
 - 13 Februari 2020
 - Dewan Canselor Tun Abdul Razak Universiti Kebangsaan Malaysia



8. Sembang Santai Bersama-sama NGO dan Golongan Muda Kelantan
 -YBhg. Datuk Haji Abg Sallehuddin Abg Shokeran. (Ketua Pengarah DBP).
 - 3 Februari 2020
 - Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu, Kelantan



9. Majlis Pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan
 - YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
 - 13 Februari 2020
 - Dewan Canselor Tun Abdul Razak Universiti Kebangsaan Malaysia



10. Majlis Perasmian Pasar Buku DBP-UMS
 - YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul,
 (Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi))
 - 24 Februari 2020
 - Ruang Mega Lab, Perpustakaan UMS



11. Canai bahasa dan Sastra, Seni Silat Dalam Lakon Layar: Bakat atau Sekadar Lakonan?
 - Moderator - Yusran Hashim
 - Panel - Fauziah Nawil
 - Azlan Komeng
 - 27 Februari 2020
 - Anjung DBP



17 Mac 2020 (Khamis) | 10.00 pagi | Anjung DBP, Menara DBP



13. Canai Bahasa dan Sastra: Benarkah Lagu Puisi Tiador Tempat dalam Hati Peminat
 - Moderator - Saifulizzan Yahaya
 - Panel: • Sani Sudin • A. Ali • Saidin Omar
 - 12 Mac 2020
 - Anjung DBP

14. Bicara Karyawan Kebangsaan 2020 dalam rancangan Cit Cat PutraFM. Topik: "Sayembara Menara dan Festival Bahasa dan Sastra 2020"
 - YBhg. Dr. Hazami bin Jahari,
 (Pegawai Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastra, Dewan Bahasa dan Pustaka)
 - 17 Mac 2020
 - Putra FM 90.7



12. Karnival Jualan Buku Malaysia (DBP-ITBM-MABOPA-MAPIM)
 - Pelancaran oleh Pengarah Penerbitan DBP,
 (Dr. Haji Abang Patdeli bin Abang Muhi).
 - 27 Februari 2020 – 8 Mac 2020
 - Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur




15. Indahnya Ilmu: Persepsi dan Perspektif Malaysia Membaca
 - Moderator - Abdul Ghani Abu
 - Panel: - Tuan Aknan a/ Ehtook,
 (Presiden Persatuan Siam Malaysia).
 - 25 April 2020
 - Instagram DBPMalaysia



16. Indahnya Ilmu : Persepsi dan Perspektif Malaysia Membaca
 Moderator
 - Abdul Ghani Abu
 Panel:
 - Dr. Raja Rajeswari
 Seetha Raman
 (Penyair dan penterjemah).
 - 2 Mei 2020
 - Instagram DBPMalaysia



17. Wacana Remaja: Cabaran Serta Impak Pembelajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing
 Moderator:
 • Puan Juwairiah Osman
 (Guru Bahasa Melayu, Pusat Bahasa Miden, UMP).
 - Panel:
 • Profesor Nuraihan Mat Daud, Pengerusi Panel Penggubalan Standard Program Bahasa, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
 - 25 Jun 2020
 - Facebook langsung DBPMalaysia



21 Julai 2020 (Selasa) • 12.00 tengah hari hingga 1.00 tengah hari



18. Wacana Remaja: Cabaran Serta Impak Pembelajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing
 Moderator:
 • Puan Juwairiah Osman
 (Guru Bahasa Melayu, Pusat Bahasa Miden, UMP).
 - Panel:
 • Dr. Mardian Shah Omar, Ketua Bahasa Melayu Komunikasi untuk Pelajar Antarabangsa, MPU.
 - 29 Jun 2020
 - Facebook langsung DBPMalaysia



32. Borak Orang Muda
 - Moderator:
 • Zaharhanum Kamarudin
 - Panel:
 • Hafiz Latiff
 • Lokman Hakim
 • Nurli Bahanudin
 - 18 Ogos 2020
 - Facebook langsung DBP/Malaysia



33. Penggunaan Bahasa Anak Muda Zaman Sekarang
 - Moderator:
 • Mohd Rizuan Kamaludin
 (Pengurus Persatuan Penggiat Seni Malaysia)
 - Panel:
 • Syazmin Asyraf Rahim
 (Timbalan Presiden Persatuan Koloni Anak Seni Malaysia)
 • Mohamad Nazri Abdul Latif.
 (Setiausaha Agung Gerakan Belia 4B Malaysia)
 - 25 Ogos 2020
 - Facebook langsung DBP/Malaysia



34. Program Bimbingan Syair dalam Talian (Kenali Pelbagai Jenis Irama Syair dan Cara Mendendangkannya)
 - Penceramah:
 • Encik Mohd Fauzi bin Abdullah.
 (Pensyarah Kanan, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu).
 - 26 Ogos 2020
 - Facebook langsung DBP/Malaysia dan Facebook langsung Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM)




35. Syarahan Ilmuwan Bahasa "Jati Diri Bahasa Melayu"
 - Pembicara:
 • YBhg. Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seong
 (Felo Utama, Institut Kajian Etnik Kebangsaan (KITA), UKM).
 - 26 Ogos 2020
 - Dewan Za'ba, Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Darul Aman



36. Wacana Perlembagaan Negara dan Institusi Diraja
 - Moderator:
 • Encik Amin bin Idris
 - Panel:
 • YAM Tengku Sri Paduka Raja Tengku Ibrahim Ibni Sultan Ismail Nasiruddin Shah
 • YBhg. Prof. Emirritus Dato' Dr. Asmah binti Haji Omar
 • YBhg. Dato' Dr. Wan Ahmad Fauzi bin wan Hussain
 - 27 Ogos 2020
 - Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP, Kuala Lumpur



37. Antara Sastera Inklusif dan Eksklusif di Mana Titik Temunya
 - Moderator:
 • Ahmad Sayuti
 - Panel:
 • Lutfi Ishak
 • S.M Zakir
 • Prof. Madya Dr. Norhayati Ab Rahman
 - 28 Ogos 2020
 - Sudut Karyawan, Wisma DBP



38. Bicara Sudut Karyawan: Pengarahan Pengarah Muda
 - Moderator:
 • Danyal Kadir (Ahli Majlis Pengkritik Filem KL)
 - Panel:
 • Hisyamudin Ahmad (Pengarah Telefilem Sesekali).
 • Zainorhisham Samudin (Pengarah Telefilem Pencipta Pegang Waktu).
 - 2 September 2020
 - Sudut Karyawan, Wisma DBP



39. Kedai Kopi Sasterawan: Seorang Novelis dan Penyeberang Sempadan
 - Moderator:
 • Tuan Syed Mohd Zakir Syed Othman
 - Panel:
 • Sasterawan Negara Dato' Dr. Anwar Richwan
 - 8 September 2020
 - Anjung, Menara DBP




40. Bicara Buku : Prasejarah dan Protosejarah Tanah Melayu
 - Moderator:
 • Dr. Sivarajan A/L Ponniah (IPG Kampus Tuanku Bainun).
 - Panel:
 • Profesor Madya Dr. Nazarudin Bin Zainun (Pusat Pengajian Ilmu Kemansiaan, USM)
 • Dr. Hashima Sulaiman (IPG Kampus Tuanku Bainun).
 - 15 September 2020
 - Perpustakaan Za'ba Institut Pendidikan Kampus Tuanku Bainun



41. Dunia Kritikan Sastera Di Malaysia Lesu
 - Moderator:
 • Hafizah Iszahanid
 - Panel:
 • Zaen Kasturi
 • Dr. Mana Sikana
 - 18 September 2020
 - Facebook Langsung Dewan Bahasa dan Pustaka

44. Dialog Cendekia: Pensejajataan Dalam Filem Melayu

- Moderator:
 - Roslan Madun
- Panel:
 - Prof. Dr. Abdul Muaf'fi @ Zambri Ahmad
 - 3 Oktober 2020
 - Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia





43. Wacana Ilmuan: Penerbitan Kamus dalam Usaha Peningkatan Literasi

- Moderator:
 - Dr. Junaini Kasdan
- Panel:
 - Datin Dr. Hasmah Mohamad
 - Dr. Fadilah Jasmin
 - Dr. Rusmadi Baharudin
 - Dr. Shamsul Azuawani Nawil
 - 25 September 2020
 - Facebook Langsung Dewan Bahasa dan Pustaka





42. Bual Bicara: Adaptasi Novel ke Skrin

- Moderator:
 - A. Wahab Hamzah
- Panel:
 - Dr. Ahmad Idham Ahmad Nadri
 - 25 September 2020
 - Anjung, Menara DBP






47. Seminar Sastera Pelbagai Kaum IV 2020: Cerpun Sebagai Penyataan Identiti Penulis Sabah Sarawak

- Moderator:
 - Abd. Ghani Abu
- Pembentang:
 - Tuan Nurizan Raja Yunus (Ana Balqis)
 - Mawar Safie
 - 14 Oktober 2020
 - Facebook Aswara DBPMalaysia

46. Seminar sastera Pelbagai Kaum IV

- Pembicara:
 - Sasterawan Negara Dato' Dr. Anwar Ridhwan
- 7 Oktober 2020
- Facebook langsung Aswara/DBPMalaysia


45. Program Bimbingan Teknik Pengucaapan Awam Secara Maya

- Pembicara:
 - Prof. Dr. Abdul Muaf'fi @ Zambri Ahmad
- 6 Oktober 2020
- 12 Oktober 2020
- 15 Oktober 2020
- Facebook langsung DBPMalaysia






49. Darah Muda: Pantun Alam Maya

- Panel:
 - YBhg. Datuk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokran (Ketua Pengarah DBP),
 - 19 Oktober 2020
 - BERNAMA, Astro 502, unifi TV 631, myFreeview121, Live Facebook dan Youtube BERNAMA





48. Bersempena dengan Sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan 2020, Peringkat Negeri Sarawak Pementasan Teater Apresiasi "Membentuk Elok Di Teluk Esok"

- Karya Asal: Abizai
- Skrip: Ja'afar Hamdan
- Arahaman: Kelana Akira
- 17 Oktober 2020
- Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka



51. Bicara Bahasa 2020

- Pembicara:
 - Abdullah Mohd Yassin
 - Mohamed Haron
- 27 Oktober 2020
- Facebook/Twitter/Instagram/Telegram/Youtube Dewan Bahasa dan Pustaka





50. Syarahan Perdana : Memartabatkan Bahasa Kebangsaan sebagai wadah kelestarian Pendidikan Berkualiti

- Moderator:
 - Dr. Haji Santrol Abdullah
- Panel:
 - Prof. Dr. Ambigapathy Pandian
- 21 Oktober 2020
- Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak


53. Bahasa Jiwa Bangsa: Bahasa Jati Diri Negara Bangsa


- Moderator
 - Ahmad Fedtri Yahya
- Panel:
 - Prof. Datuk Dr. Paramasivam Muthusamy
 - Dr. Rozita Che Rodi
 - Dr. Ng Chwee Fang
 - 11 November 2020
 - Facebook Universiti Putra Malaysia/DBPMalaysia




52. Dekad Bahasa Kebangsaan: Bahasa Melayu Dimartabatkan

- Panel:
 - YBhg. Datuk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokran (Ketua Pengarah DBP),
 - 8 November 2020
 - Astro AWANI




56. Bicarawara: Sistem Ejaan Jawi, Apakah Yang Baharu

- Moderator:
 - Ustaz Mohd Fadzil bin Tajudin
- Panel:
 - Prof Emeritus Dr. Muhammad Bukhari Lubis
 - Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz
 - Tuan Haji Hamdan Abdul Rahman.
- 19 November 2020
- Facebook Langsung Jamek FM dan Dewan Bahasa dan Pustaka




55. Citra Komik dan Bahasa: Merekayasa Budaya dan Bahasa Menerusi Komik

- Moderator:
 - Shamsaimun Ezil (Setiausaha ANIMAS).
- Panel:
 - Muhammad Azhar (Pensyarah Fakulti Filem, Teater dan Animasi, UTM).
 - Buharudin Sarji (Penulis/penerbit Komik).
- 18 November 2020
- Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka




54. YouTube: Buat Duit atau Buat Dosa

- Moderator:
 - Amin Idris.
- Panel:
 - Ard Donviva
 - Syamsul Yusof
- 11 November 2020
- Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka



58. Pempangruh Ledakan Pengucapan Awam dalam Kalangan Penggiat Media Sosial

- Moderator:
 - 'Azimin Daud
- Panel:
 - Amin Idris
 - Seelan Paul
- 26 November 2020
- Facebook langsung DBP Malaysia



57. Wacana Hari Kanak-Kanak: Peranan Komik Dalam Memupuk Minat Membaca

- Moderator:
 - Rabbiah'tuladawiyah Md. Salleh
- Panel:
 - Prof Madya Dr. NIK Raifah Nik Muhammad Afendi
 - Puan Azrizan Abu Bakar
 - Encik Adi Imran Mohamed Nazri @ Adi Nazri
- 20 November 2020
- YouTube Dewan Bahasa dan Pustaka



59. Forum Bersama-sama Sasterawan Negara: Mencipta Kejayaan dalam Penulisan

- Moderator
 - Dr. Hanafi bin Ibrahim
- Panel:
 - Sasterawan Negara Dato' Dr. Baharuddin Zainal
 - Sasterawan Negara Dr. Siti Zainon Ismail
- 26 November 2020
- Facebook, Youtube, Instagram dan Twitter Dewan Bahasa dan Pustaka




61. 60 Minit Dewan Bahasa dan Pustaka

- Pengacara:
 - Abu Talib Hussain
- Panel:
 - YBhg. Prof. Dato' Dr Teo Kok Seong
 - YBhg. Dauk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokran
- 1 Disember 2020
- TV Al-Hijrah



WACANA HARI KANAK-KANAK: PERANAN KOMIK DALAM MENINGKATKAN MINAT MEMBACA

- Moderator:
 - Amin Idris
- Panel:
 - Amin Idris
 - Syamsul Yusof
 - Ard Donviva
- 20 November 2020
- Facebook, Youtube, Instagram dan Pustaka




60. Langsung bersama-sama Selebriti Persatuan Sahabat Pencinta Bahasa

- Panel Persatuan Sahabat Pencinta Bahasa:
 - Den Manja
 - Shaq Mentor
 - Jemi Intan Berlian
 - Wok Long
- 26 November 2020
- Facebook Persatuan Sahabat Pencinta Bahasa dan Dewan Bahasa dan Pustaka



63. Jerayawara Pemikiran Pendeta Za'ba Secara Dalam Talian

- Pembicara
 - YBhg. Prof. Datuk Awang Sariyan (Pengerusi Lembaga Pengelola DBP)
 - 8 dan 10 Disember 2020
 - Facebook Langsung DBP dan Institut Peradaban Melayu, UPSI




59. Forum Bersama-sama Sasterawan Negara: Mencipta Kejayaan dalam Penulisan

- Moderator
 - Dr. Hanafi bin Ibrahim
- Panel:
 - Sasterawan Negara Dato' Dr. Baharuddin Zainal
 - Sasterawan Negara Dr. Siti Zainon Ismail
- 26 November 2020
- Facebook, Youtube, Instagram dan Twitter Dewan Bahasa dan Pustaka



61. 60 Minit Dewan Bahasa dan Pustaka

- Pengacara:
 - Abu Talib Hussain
- Panel:
 - YBhg. Prof. Dato' Dr Teo Kok Seong
 - YBhg. Dauk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokran
- 1 Disember 2020
- TV Al-Hijrah



63. Jerayawara Pemikiran Pendeta Za'ba Secara Dalam Talian

- Pembicara
 - YBhg. Prof. Datuk Awang Sariyan (Pengerusi Lembaga Pengelola DBP)
 - 8 dan 10 Disember 2020
 - Facebook Langsung DBP dan Institut Peradaban Melayu, UPSI



BAHAGIAN PERSEKITARAN DAN KEWILAYATAN

PROGRAM PENULISAN KOMIK


MINAT MELUKIS KOMIK? TERBUKA KEPADA PELAJAR IPTA, IPTS DAN KHALAYAK RAMAI

- Penceramah:
 - Wukong
 - Imuda
 - Encik Karim
 - Ben Wong
- 7-10 Disember 2020
- Facebook Langsung Dewan Bahasa dan Pustaka



61. 60 Minit Dewan Bahasa dan Pustaka

- Pengacara:
 - Abu Talib Hussain
- Panel:
 - YBhg. Prof. Dato' Dr Teo Kok Seong
 - YBhg. Dauk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokran
- 1 Disember 2020
- TV Al-Hijrah



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

60 Minit Dewan Bahasa dan Pustaka

- Pengacara:
 - Abu Talib Hussain
- Panel:
 - YBhg. Prof. Dato' Dr Teo Kok Seong
 - YBhg. Dauk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokran
- 1 Disember 2020
- TV Al-Hijrah


64. Syarahan Ilmuwan Bahasa Melayu "Bahasa Melayu Wasilah Pelbagai Ilmu Sains"

- Moderator:
 - Encik Mohamad Zaki Abdul Halim
- Panel:
 - YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shahaarom
- 14 Disember 2020
- Facebook Langsung Universiti Malaysia Perlis




65. Diskusi Ilmu: Citra Bahasa Kebangsaan di Tempai Awam Tanggungjawab Bersama

- Moderator:
 - Ahmad Fedtri Yahya
- Panel:
 - Prof. Madya Dr. Ramalinggam Rajamanickam
 - Dr. Haji Abang Patolei Abang Muhi
 - Encik Khairul Anuar Mhd Juri
- 16 Disember 2020
- Facebook Langsung dan YouTube Dewan Bahasa dan Pustaka




67. Sembang Orang Muda: Animasi Batu Bijanji

- Moderator:
 - Muhammad Syafiq Abdul Rahman
- Panel:
 - Mohd Reduan bin Patah
 - Wan Zulfadhil Ad-Dinnie bin Wan Azmi
- 22 Disember 2020
- Studio Siaran Langsung Media Sosial Dewan Bahasa dan Pustaka



66. Wacana Peranan Penerbitan dalam Revolusi Industri 4.0: Cabaran Mengharungi Covid-19

- Moderator:
 - Encik Rozlan Mohamed Noor (Timbalan Pengerusi Persatuan Editor Malaysia).
- Panel:
 - Dr. Poh Swee Hiang (Pengarah Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.)
 - Encik Syamil Mohamad Fahim (Ketua Pegawai Eksekutif NUIdeaktif Sdn. Bhd.)
- 22 Disember 2020
- Facebook langsung DBPMalaysia



PENYATA KEWANGAN BERAUDIT 2020





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah mewakili sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Dewan Bahasa dan Pustaka dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Belanjawan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 34.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya seperti berikut:

1. Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan Dewan Bahasa dan Pustaka dibuat berdasarkan perbandingan antara nilai pasaran dan nilai kos hartanah tersebut. Ini bertentangan dengan MPSAS 17 di mana penilaian semula adalah berdasarkan perbandingan nilai saksama dan nilai buku bersih.

Ini memberi kesan kepada hartanah, loji dan peralatan terkurang nyata berjumlah RM50,509,896, rizab penilaian semula terkurang nyata berjumlah RM127,238,314 dan lebihan terkumpul terlebih nyata berjumlah RM76,728,418.

2. Bayaran interim bagi projek penggantian lif Dewan Bahasa dan Pustaka telah direkodkan sebagai belanja menyebabkan hartanah, loji dan peralatan (kerja dalam pelaksanaan) terkurang nyata dan belanja terlebih nyata masing-masing berjumlah RM2,102,940.

Selain itu, kerja dalam pelaksanaan berjumlah RM2,754,800 telah direkodkan sebagai aset dan disusut nilai menyebabkan hartanah, loji dan peralatan terkurang nyata dan belanja susut nilai terlebih nyata masing-masing berjumlah RM22,957.

3. Pelarasan belanja komisen pengedaran dan pemiutang penangguhan bayaran telah dibuat sebanyak dua kali menyebabkan amaun bagi tahun 2020 terlebih nyata berjumlah RM1,808,491.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengelola Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengelola bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995. Lembaga Pengelola juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka, Lembaga Pengelola bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersetujuan untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.


- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dewan Bahasa dan Pustaka.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengelola.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengelola dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka, termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain tidak disimpan dengan sempurna seperti yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka berdasarkan keperluan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan dan Peluasan) 1995 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(AHMAD FAZLI BIN OSMAN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

11 OKTOBER 2021



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengelola

Kami Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan dan Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengelola, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Belanjawan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 31 Disember 2020, dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangan bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga



NAMA : **PROF. DATUK SERI DR. AWANG
BIN SARIYAN**

GELARAN : Pengerusi

Lembaga Pengelola
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tarikh : 15 MAR 2021

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga



NAMA : **DATUK YUSRAN SHAH BIN MOHD YUSOF**

GELARAN : Ahli

Lembaga Pengelola
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tarikh : 15 MAR 2021

KUALA LUMPUR

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

Saya, ARMAN HALIM BIN ABDULLAH, No. Kad Pengenalan: 781125-14-5065, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Keududukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Belanjawan yang berikut berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada **15 MAR 2021**)



Di hadapan saya,



No. 18, Jalan Kampung Attap,
50460 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan
MALAYSIA

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020**

	<u>NOTA</u>	<u>2020</u> RM	<u>2019</u> Dinyatakan Semula RM
ASET			
Aset Semasa			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	4	77,045,423	42,501,308
Pelaburan Lain	5	205,000,000	175,000,000
Akaun Belum Terima	6	13,397,899	17,605,730
Stok	7	33,901,509	38,009,897
Jumlah Aset Semasa		329,344,831	273,116,935
Aset Bukan Semasa			
Akaun Belum Terima	8	38,210,284	33,622,046
Hartanah, Loji dan Peralatan	9	413,599,231	346,954,366
Aset Tak Ketara	10	175,723	306,378
Jumlah Aset Bukan Semasa		451,985,238	380,882,790
Jumlah Aset		781,330,069	653,999,725
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar bagi Urus Niaga Pertukaran	11	26,438,481	26,854,077
Peruntukan Cukai		51,441,890	53,363,318
Peruntukan Manfaat Pekerja Jangka Pendek	12	648,831	867,077
Jumlah Liabiliti Semasa		78,529,202	81,084,472
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Pekerja Jangka Panjang	12	4,094,750	3,997,568
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		4,094,750	3,997,568
Jumlah Liabiliti		82,623,952	85,082,040
JUMLAH ASET BERSIH		698,706,117	568,917,685
ASET BERSIH/EKUITI			
Kumpulan Wang Am		413,569,709	369,931,281
Kumpulan Wang Pusingan			
Pinjaman Perumahan		52,000,000	42,000,000
Pinjaman Kenderaan		4,000,000	4,000,000
Pinjaman Komputer		1,000,000	1,000,000
Pinjaman Pendidikan		1,000,000	1,000,000
Kumpulan Wang Pembangunan	13	-	-
Rezab Penilaian Semula		227,136,408	150,986,404
JUMLAH KUMPULAN WANG		698,706,117	568,917,685

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

	<u>NOTA</u>	<u>2020</u> RM	<u>2019</u> Dinyatakan Semula RM
PENDAPATAN			
Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran			
Pemberian Kerajaan	14	60,000,000	64,091,000
Hasil Daripada Urus Niaga Pertukaran			
Pendapatan Kendalian	15	136,055,926	142,504,151
Pelbagai Hasil			
Lain-lain Pendapatan	16	7,855,875	8,012,760
JUMLAH PENDAPATAN		203,911,801	214,607,911
TOLAK : PERBELANJAAN			
Kos Penerbitan	17	52,817,416	75,917,594
Emolumen	18	45,910,169	45,880,168
Bekalan dan Perkhidmatan			
Bekalan dan Bahan	19	834,178	985,893
Cukai Taksiran	20	387,604	400,692
Penyelenggaraan dan Pembaikan	21	11,653,592	14,236,637
Perjalanan dan Pengangkutan Staf	22	997,587	2,695,764
Perkhidmatan dan Layanan	23	12,708,022	15,253,834
Utiliti dan Sewa	24	4,916,629	5,835,557
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	25	6,922,433	2,788,076
Lain-lain Perbelanjaan	26	15,047,171	19,142,821
JUMLAH PERBELANJAAN		152,194,801	183,137,036
LEBIHAN SEBELUM CUKAI		51,717,000	31,470,875
Tolak : Cukai Pendapatan	27	(1,921,428)	44,264,782
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH TAHUN KEWANGAN SEMASA		53,638,428	(12,793,907)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Ini.

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020**

	RM KUMPULAN WANG AN	RM KUMPULAN WANG PUSINGAN (Pinjaman Perumahan)	RM KUMPULAN WANG PUSINGAN (Pinjaman Kenderaan)	RM KUMPULAN WANG PUSINGAN (Pinjaman Komputer)	RM KUMPULAN WANG PUSINGAN (Pinjaman Pendidikan)	RM KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	RM REZAB PENILAIAN SEMULA	RM Jumlah KUMPULAN WANG
2020								
